



SELANGOR

PERCUMA 10 - 17 Jun 2016, 5 - 12 Ramadan 1437H

www.selangorku.com
MediaSelangorku
MediaSelangor
tv.selangorku.com
#SmartSelangor

BANTUAN PENDIDIKAN (SAR, SJKC & SJKT) FASA 1 2016

RM10.2 JUTA PERKASA 462 SEKOLAH

BERITA PENUH MUKA 3

TAK HABIS- HABIS ISU 1MDB

1MDB jadi sasaran siasatan di Singapura dan Switzerland

Penyiasat Amerika Syarikat curiga transaksi Goldman Sachs Group Inc

BERITA LANJUT MUKA 2

16 Jun di Hulu Selangor



PRK Sungai Besar

P93

5

UNISEL peduli pelajar

20

PAKEJ KORPORAT UNTUK KAKITANGAN AWAM KERAJAAN SELANGOR **10 DEWASA PERCUMA 1**

SELAMAT BERBUKA PUASA | 2016

D'Kayangan GRILL & BARBEQUE STEAMBOAT

"No.1 Malaysia"

BUFFET RAMADHAN STIMBOAT SAMBIL

Panggang Arang

"Gema Ramadhan"

RM **49.90** Sahaja

* Tidak termasuk caj GST 6%

6 JUN - 5 JULY

*Kanak-kanak 4 - 11 tahun RM 24.00 sahaja.

3 tahun ke bawah **PERCUMA**

5.00 ^{RM} SEHINGGA 1.00 ^{RM}

JOM NIKMATI
KAMBING PANGGANG SETIAP HARI!!!

Hidangan **SYOK!!!**
Lazat & Berbaloi-baloi...

012 - 297 1091
017 - 507 6274
03 - 5523 4979

HIDANGAN ISTIMEWA

AYAM KAMPUNG BEREMPAH, GULAI KAWAH, PATIN TEMPOYAK, SUP TULANG, NASI BERIYANI GAMB

DI SRI ACAPPELLA SERVIS APARTMENT SEKSYEN 13, SHAH ALAM BERHAMPIRAN GIANT & STADIUM

#dkayangansteamboat

steamboat bbq buffet dkayangan



waze

Steamboat BBQ Buffet D'Kayangan

Pilihan Jalan-jalan Cari makan 2012/2015

Nizam Head Chef
"Pemenang Pingat Gangsa"
Culinaire Malaysia 1999 & 2007

Hutang 1MDB antara penyebab

Taraf unjuran kredit diramal turun

SHAH ALAM - Malaysia diramalkan menghadapi risiko diturunkan taraf unjuran kredit disebabkan hutang syarikat milik Kerajaan Persekutuan termasuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

Nikkei Asian Review melaporkan sebuah badan kajian ekonomi berpusat di United Kingdom, Oxford Economics menyatakan pelabur asing semakin kurang minat terhadap pasaran saham tempatan walaupun dengan aliran masuk tunai ke dalam pasaran serantau.

Hutang awam Malaysia bertambah kepada 54.5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada 2015, iaitu



peningkatan daripada 40 peratus pada 2008 dan menghampiri kadar maksimum ditetapkan pada 55 peratus.

Ia adalah peningkatan paling tinggi sejak 1992, dan jauh meninggalkan Indonesia (29%) dan Thailand (31%), kata laporan itu.

Pakar ekonomi Oxford Economics, berkata Kerajaan Persekutuan mempunyai lebih 15

Pakar ekonomi Oxford Economics, berkata Kerajaan Persekutuan mempunyai lebih 15 peratus hutang daripada KDNK yang tidak tersenarai sebagai liabiliti dalam laporan kewangannya disebabkan komitmen terhadap syarikat milik kerajaan termasuk 1MDB.

peratus hutang daripada KDNK yang tidak tersenarai sebagai liabiliti dalam laporan kewangannya disebabkan komitmen terhadap syarikat milik kerajaan termasuk 1MDB.

Beberapa buah bank mewakili 1MDB juga menjadi sasaran penyiasatan pihak berkuasa luar negara termasuk Singapura dan Switzerland berkenaan dakwaan salah laku dan pengubahan wang haram.

Kerajaan kini dalam usaha memindahkan kesemua aset 1MDB kepada Perbendaharaan.

Menurut Oxford Economics, jaminan kerajaan terhadap hutang 1MDB boleh me-

nambah AS\$7.5 bilion dalam laporan kewangannya, atau 2.5 peratus daripada KDNK.

"Penambahan hutang awam dan kemungkinan kegagalan fiskal mungkin menyebabkan agensi penarafan kredit bertindak menurunkan penarafan kredit Malaysia," kata Fenner.

Malaysia buat masa ini diberikan penarafan kredit "A-" oleh Fitch Ratings dan S&P Global Ratings, manakala Moody's Investor Services memberikan penarafan "A3".

Kata laporan Oxford Economics itu lagi sebarang penurunan boleh terus memberi tekanan ke atas ringgit.

Perginya legenda tinju dunia - Muhammad Ali

LAGENDA tinju dunia, Muhammad Ali, 74, meninggal dunia pada 4 Jun lalu selepas dua hari dimasukkan ke hospital Phoenix di Arizona kerana masalah pernafasan.

"Selepas bertarung selama 32 tahun dengan penyakit Parkinson, Muhammad Ali meninggal dunia pada usia 74," kata jurucakapnya, Bob Gunnell.

Berita pemergiannya memberi khabar duka kepada dunia. Beliau adalah muslim pertama menjadi peninju dunia terkenal dalam kalangan umat Islam.

Beliau juga dinobatkan sebagai "Sportsman of the Century" oleh Sports Illustrated dan "Sports Personality of the Century" oleh BBC.

Pada umur 22 tahun, beliau memenangi kejuaraan heavy-weight dunia pada 1964 menewaskan Sonny Liston dalam satu keputusan yang mengejutkan.

Tidak lama selepas pertarungan itu, pada 6 Mac 1964, pemimpin Nation of Islam, Elijah Muhammad mengumumkan bahawa jaguh tinju itu menyertai mereka dan menukar namanya kepada Muhammad Ali.

Muhammad Ali (lahir Cassius Marcellus Clay, Jr.; 17 Januari 1942) memeluk Islam pada 1975. Digelar "The Greatest" (Yang Terhebat), Ali terlibat dalam beberapa perlawanan tinju yang bersejarah.

Antaranya adalah pertarungan Liston pertama (1964), tiga kali dengan pesaing Joe Frazier (1971-1975), dan sekali dengan George Foreman (1974), yang mana beliau mendapat kembali gelaran dilucutkan kerana enggan menyertai pengerahan ke Perang Vietnam tujuh tahun sebelumnya.

Terkenal dengan gaya menari sambil bertinju, Muhammad Ali dianggap antara peninju heavyweights terhebat dalam sejarah sukan itu. Bukan sahaja kerana kehebatannya, malah juga kerana prinsipnya.

Pada 1999, anaknya Laila Ali meneruskan tradisi bapanya untuk menjadi peninju wanita Islam pertama, walaupun bapanya sebelum itu tidak bersetuju.

Sehingga bersara pada akhir 2000-an, Laila tidak pernah kalah dalam kategori *super middle-weight*, dengan 24 kemenangan.



SUHAKAM: Perketat undang-undang lindungi kanak-kanak

SHAH ALAM - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menggesa undang-undang ketat dan khusus dikuatkuasakan untuk melindungi kanak-kanak dari segala bentuk keganasan dan pencabulan seksual.

Badan hak asasi manusia itu berkata peruntukan itu harus termasuk undang-undang yang membantu polis, pendakwa dan agensi penguatkuasa untuk memburu dan membawa ke muka pengadilan.

Katanya ini termasuk mereka yang cuba melakukan pencabulan seksual ke atas kanak-kanak

dengan memuat naik gambar dan video mangsa dalam talian.

"Tindakan sewajarnya dan perlu di semua peringkat harus diambil untuk membawa pelaku jenayah ke pengadilan dan mengenakan hukuman setimpal seraras dengan semua instrumen antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan, pada 6 Jun lalu.

Sebelum ini, seorang pedofil warga Britain berhadapan hukuman penjara seumur hidup selepas mengaku bersalah mencabul dan membuat serangan seks terhadap kanak-kanak semuda enam bulan, sebahagian



daripadanya datang dari keluarga miskin di Malaysia.

Richard Huckle, 30, mengakui mengambil gambar dan video mangsa yang dicabulnya sebelum memuat naik ke laman sesawang.

1MDB: Goldman Sachs disiasat 'transaksi mencurigakan'

SHAH ALAM - Akhbar The Wall Street Journal (WSJ) pada 7 Jun lalu melaporkan Pasukan penyiasat Amerika Syarikat sedang cuba untuk menentukan sama Goldman Sachs Group Inc melanggar undang-undang.

Ia ekoran kegagalan memberikan amaran berkenaan transaksi mencurigakan membabitkan firma pelaburan 1MDB.

WSJ yang memetik sumber mendedahkan pihak berkuasa Amerika Syarikat sedang menjadualkan siasatan dengan eksekutif Goldman meskipun bank itu belum dituduh berkenaan sebarang salah laku.

Menurut bank berkenaan, ia tidak mengetahui bagaimana 1MDB menggunakan wang dikumpulkan untuk firma pelaburan Malaysia itu.

Goldman mengumpulkan AS\$3 bilion menerusi terbitan bon

1MDB pada Mac 2013, yang sepatutnya membiayai projek hartanah utama di Kuala Lumpur demi meningkatkan ekonomi negara.

Bank itu kemudian menyalurkan dana berkenaan ke dalam akaun bank Swiss dikawal 1MDB.

"Penyiasat percaya bank (Goldman) mempunyai sebab mengesyaki wang dikumpulkannya itu tidak digunakan untuk tujuan dimaksudkan, menurut mereka yang biasa dengan siasatan.

"Menurut mereka, amaran sepatutnya dikeluarkan apabila Goldman diarah memindahkan AS\$3 bilion kepada sebuah cawangan bank swasta Switzerland kecil di Singapura dan bukannya kepada bank global besar, seperti lazimnya untuk pemindahan saiz berkenaan," lapor WSJ.

WSJ yang memetik sumber mendedahkan pihak berkuasa Amerika Syarikat sedang menjadualkan siasatan dengan eksekutif Goldman meskipun bank itu belum dituduh berkenaan sebarang salah laku. Menurut bank berkenaan, ia tidak mengetahui bagaimana 1MDB menggunakan wang dikumpulkan untuk firma pelaburan Malaysia itu.

Bantuan pendidikan fasa 1

Kerajaan Negeri agih RM10.2 juta

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengagihkan Bantuan Pendidikan Sekolah-Sekolah (SAR,SJKC & SJKT) Fasa 1 2016 bernilai RM10.2 juta kepada 462 sekolah.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata konsep agihan itu dilakukan bagi memastikan bantuan sampai kepada sasaran selain memudahkan rakyat menikmati hasil negeri.

"Sektor pendidikan dan isu berkaitannya sangat banyak diperkatakan di media arus per-

dana sama ada melibatkan guru, infrastruktur sekolah, kandungan pengajaran dan pembelajaran.

"Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk membantu menyelesaikan infrastruktur sekolah di Selangor dengan hasrat supaya pelajar dapat belajar di dalam persekitaran selesa dan kondusif," katanya ketika berucap pada Majlis Bantuan Pendidikan Sekolah-Sekolah (SAR,SJKC & SJKT) Fasa 1 2016 di Foyer SUK, di sini, pada 2



Jun lalu.

Mengikuti pecahan, 274 Sekolah Agama Rakyat (SAR) menerima sumbangan selain 94 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 94 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengelola SJKC Sungai Chua, Kajang, Lee Learn Eng, berkata bantuan RM50,000 diterima akan dibelanjakan untuk membaik pulih dan menampung projek pembebasan kantin sekolah.

"Jumlah pelajar sudah bertam-

bah. Kini, kita ada hampir 1,300 dan kantin sedia ada terlalu kecil kerana mengadakan satu sesi persekolahan sahaja,"katanya.

Katanya, antara bentuk pengubahsuaian yang akan dibuat adalah membaik pulih bumbung dan pagar kantin sekolah.

Bagi Guru Besar Sekolah Rendah Islam Integrasi Hira', Shah Alam, Mohd Fairul Nafazli, jumlah bantuan RM20,000 diterima akan digunakan untuk membaik pulih bangunan kelas.

Hasrat sama turut dikongsi-kan Ketua Guru Sekolah Rendah Integrasi At-Tanzeel, Seri Kem- bangan, Norsyafawati Fini yang

akan membelanjakan sumban- gan RM20,000 untuk menambah kelas selain bercadang menyewa bahagian bawah rumah kedai demi keselesaan pelajar.

Guru Besar Sekolah Integrasi As-Syakirin Seksyen 13, Dr Nik Noor Azlida Husain, pula berkata bantuan diterima akan ditumpu- kan untuk meningkatkan fasiliti sekolah.

"Sekolah swasta sukar dapat bantuan, namun dengan peranan yang dimainkan Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya dapat meringankan beban pihak pentadbiran yang kini memiliki 480 pelajar,"katanya.

Kukuh peranan pusat ibadat

SHAH ALAM - Pusat ibadat seluruh negeri perlu diperkukuhkan dengan aktiviti pemberdayaan yang mampu menjadi pemacu kepada pembangunan ummah.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata peranan masjid dan surau perlu berkembang sejajar dengan arus peredaran zaman untuk membina kemajuan masyarakat Islam Selangor.

"Masjid sebagai insituti ibadah berperanan sebagai pusat aktiviti sosial umat Islam. Ia sewajarnya berkembang sejajar dengan arus perkembangan zaman.

"Masjid juga perlu memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah badan membina kemajuan ummah,"katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan disampaikan Senator, Dr Muhammad Nur Manuty, pada Majlis Konvensyen Pemantapan dan Pemerksaan Masjid dan Surau sempena Majlis Penyerahan Sumbangan Moreh

Ramadan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Mohamed Azmin berkata, pengurusan masjid dan surau seluruh negeri perlu mencontohi tau- ladan Rasulullah SAW dan para anbia membangunkan rumah Allah untuk menyatukan umat.

"Sejak zaman Rasulullah SAW, masjid bukan hanya tempat ibadah, tetapi sebagai pusat kegiatan dakwah Islam luas.

"Ketika Baginda dan para sahabat berhijrah dari Kota Makkah ke Kota Madinah, Baginda singgah di Quba' dan di sinilah Baginda membangunkan masjid terawal (Masjid Quba).

"Sementara di Madinah, Rasulullah SAW membangunkan Masjid Nabawi dan ini menunjukkan masjid mempunyai kedudukan tinggi bagi umat Islam,"katanya.

Justeru katanya, masyarakat mempunyai peranan besar memakmurkan masjid dengan mengimarahkan masjid melalui program ibadah untuk pembangunan intelektual masyarakat.

JAIS: Elak tazkirah politik

SHAH ALAM - Masjid dan surau seluruh negeri diingatkan supaya tidak menyentuh isu politik dan sensitiviti kaum ketika menyampaik-kan sesi tazkirah Ramadan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Dato' Haris Kasim, berkata ketetapan itu diambil bagi mengekalkan keharmonian masjid dan surau seluruh negeri daripada dicemari agenda negatif.

"Nazir dan pengerusi surau hendaklah memastikan slot tazkirah tidak dijadikan ceramah politik yang menimbulkan rasa tidak senang hati serta perpecahan masyarakat.

"Lebih baik sekiranya perasaan saling hormat-menghormati di-

terapkan di bulan penuh keberkatan ini,"katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, sesi tazkirah atau ceramah juga tidak boleh dijalankan di waktu pertengahan solat tarawikh dalam tempoh kurang melebihi 20 minit bagi setiap sesi.

"Semua aktiviti tazkirah hendaklah dibuat diantara solat magrib dan isyak atau setelah selesai solat tarawih dan witr.

"Malah semua masjid dan surau juga perlu melaksanakan solat tarawih 20 rakaat sebagaimana diamalkan oleh Saidina Umar R.A dan menjadi amalan di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi,"katanya.

Bas Percuma Hulu Selangor mula operasi 16 Jun

SHAH ALAM - Dua bas percuma Smart Selangor dijadual mula beroperasi 16 Jun ini di sekitar Kuala Kubu Bharu, Rasa dan Bukit Sentosa sepanjang 37 kilometer sehala di bawah Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Pegawai Komunikasi Korporat MDHS, Junainah Abdullah, berkata Bas Smart Selangor itu membolehkan laluan Kuala Kubu Bharu (KKB) iaitu Taman Teratai, Taman KKB Utama, Taman Ampang Pechah, Taman Tanjak, Desa Bukit Bujang dan Desa Dama.

"Manakala Rasa melalui Desa Rening, Kampung Melayu Rasa Tambahan, Taman Keruing, Kampung Chuang dan Kampung Kandaiah.

"Selain itu, laluan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa pula membolehkan ke- diaman Widuri BB18, Kemboja BS8, Anggerik BS7, Seroja BS6, Jejarum BS3 dan lain-lain kawasan kediaman disekitarnya,"katanya dalam kenyataan.

Katanya, turut diberi tum-

puan laluan perniagaan dan institusi pendidikan, Pusat Bandar KKB, Pekan Rasa serta Pusat Bandar Bukit Sentosa.

Junainah berkata konsep perjalanan 'Point to Point' iaitu sebuah bas bermula di Terminal Bukit Sentosa dan berakhir di Terminal Bas KKB manakala sebuah bas bermula dari Terminal Bas KKB dan berakhir di Terminal Bas Bukit Sentosa.

Dua bas dijadual beroperasi setiap hari bermula jam 6 pagi sehingga jam 10 malam dengan kekerapan sejam sekali.

Seperti perkhidmatan bas percuma di daerah lain, bas ini turut dilengkapi perkhidmatan wifi, tempat duduk mesra OKU dan sistem maklumat penumpang.

Program Bas SMART Selangor (dahulu dikenali sebagai Bas Selangorku) dilancarkan oleh Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali pada 1 Julai 2015 di tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Shah Alam, Subang Jaya dan Klang.

SAY dan Project Revamp @ Extreme Park

Platform Raja Muda Selangor dekati belia

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - DYTM Tengku Amir Shah berkenan merasmikan Selangor Youth Community (SAY) dan Project Revamp @ Extreme Park di Taman Sukan Lasak di sini, baru-baru ini.

Baginda bertitah, SAY yang diilhamkan bertujuan mengenal pasti jurang serta permasalahan belia Selangor dan menyediakan platform supaya mereka dapat menyumbang ke arah pembangunan negeri.

Titah baginda, fokus diberikan ke arah pembangunan sukan dan rekreasi, kesenian dan budaya, keusahawanan dan perdagangan serta muzik dan seni persembahan.

"Ini hanya permulaan kerana masih banyak usaha harus dilaburkan untuk membangunkan belia Selangor secara menyeluruh.

"Usaha pembangunan ini mestilah dijalankan dengan istiqamah, ia adalah satu marathon dan bukan acara pecut," titah baginda yang juga Penaung Diraja SAY.

Sejurus majlis perasmian, baginda turut berkenan beramah mesra secara santai bersama lebih 500 hadirin sambil menjamu makanan disediakan 'food truck'.

Sepanjang 90 minit, hadirin tidak melepaskan peluang untuk berkenalan, berinteraksi dan ber'selfie' bersama baginda.

Baginda turut meluahkan hasrat menceriaikan keadaan di sekitar taman dengan pengenalan unsur seni mural dan grafiti.

"Melalui penambahbaikan ini, ia bakal menjadi taman rekreasi yang bukan sahaja praktikal tetapi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara," titah baginda.



Penduduk gembira isu bekalan air selesai

PELABUHAN KLANG - Pemulihan bekalan air di Pangsapuri Samudera, di sini menerusi pemasangan meter individu meletakkan penghuni yang selama ini menghadapi masalah berkenaan.

Masalah bekalan air kerap terputus termasuk air kurang bersih sering dihadapi dalam tempoh agak lama mendatangkan beban kepada majoriti penghuni di situ.

Seorang penyewa, Anizan Mohd Din, 45, berkata penyelesaian dibuat Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) melalui pemasangan meter individu itu disambut baik semua penghuni.

"Selama ini kita mengalami masalah bekalan air dan ia berlaku dalam tempoh

lama yang merunsingkan semua yang tinggal di sini.

"Permohonan beberapa kali sebelum ini juga gagal dan pindaan dibuat Syabas banyak membantu dalam menyelesaikan masalah ini," katanya kepada SelangorKini.

Pemilik premis, Shamsuddin Tantan, 35, berkata, penduduk pangsapuri sudah menunggu lama supaya masalah dihadapi itu diselesaikan segera.

"Memang polisi baru Syabas ini membantu dan kita bersyukur kerana ia sudah berakhir.

"Banyak masalah dihadapi penghuni dengan bekalan air terputus dan mendapat air kurang bersih," katanya.

Polisi baru SYABAS atasi masalah penghuni pangsapuri

PELABUHAN KLANG - Pemilik dan penyewa pangsapuri kini boleh memohon bekalan air meter individu dengan cepat dan mudah menerusi kaedah baru diperkenalkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) sejak April lalu.

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, berkata pendekatan baru itu menyelesaikan masalah penghuni pangsapuri mendapat bekalan air serta membanteras penyambungan bekalan air tidak sah.

"Sebelum pindaan polisi bekalan air ini, Syabas sering mendapat aduan daripada penghuni termasuk penyewa yang hampa kerana tidak boleh memohon tanpa surat perjanjian jual beli dan penyelesaian.

"Setelah dikaji semula, Syabas meminda polisi ini bagi memudahkan penyewa memohonnya dengan menandatangani surat kebenaran dan aku janji jika tiada surat perjanjian penyewaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja dan pemasangan meter individu di Pangsapuri Samudera Pulau Indah, di sini, 2 Jun lalu.

Pangsapuri empat blok dengan 528 unit itu berdepan masalah bekalan air dipotong sejak



Amin Lin Abdullah

2014 setelah Badan Pengurusan Bersama (BPB) gagal menjelaskan tunggakan bil air terlampau tinggi.

Amin berkata antara masalah dihadapi penghuni pangsapuri adalah bil tunggakan yang ada dan melalui polisi baru itu, permohonan boleh dilakukan kerana masalah terbabit bukan tanggungjawab pemilik atau penyewa.

"Prosedur memohon bekalan air dilancarkan pada April lalu membolehkan penyewa memohonnya dengan menandatangani Borang Perjanjian Bekalan Air, menyerahkan salinan kad pengenalan atau passport dan salah satu daripada dokumen Perjanjian Jual Beli, Geran Pemilikan Premis, Perjanjian Penyewaan atau Surat Kebenaran dan AkuJanji," katanya.



Y2D gesa pembinaan DASH dipercepat

SHAH ALAM - Gerakan Yes 2 DASH (Y2D) menggesa Kerajaan Negeri menyegerakan kelulusan pembinaan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) bagi menyelesaikan kesesakan trafik terutama di sekitar Persiaran Mokhtar Dahari dan Kota Damansara.

Timbalan Pengerusi Y2D, Adlan Abdul Razak, berkata pembinaan DASH akan menyelesaikan masalah trafik kritikal yang berlarutan sejak sekian lama selain menjimatkan masa dan perbe-

lanjaan pengguna.

Beliau percaya Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sedia maklum berkenaan keperluan itu yang turut memberikan manfaat kepada pengguna di Jalan Subang, Jalan Sungai Buloh, Jalan Kuala Selangor dan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE).

"Kami di sekitar Persiaran Mokhtar Dahari terpaksa keluar rumah lebih awal untuk mengelak kesesakan trafik teruk bermula seawal enam pagi termasuk peng-

guna daripada Kota Damansara.

"Kesesakan trafik pengguna bertambah tenat ekoran pembukaan taman perumahan baharu seperti di KWASA Land yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi sekali gus meningkatkan jumlah kenderaan di Persiaran Surian," katanya.

Y2D adalah gerakan gabungan lebih daripada 50 buah persatuan penduduk di sekitar Persiaran Mokhtar Dahari seperti U10, Puncak Perdana, Puncak Alam dan Saujana Utama.



PRK Sungai Besar

Tumpu kalahkan BN

OLEH HAFIZAN TAIB & DEWI ABD RAHMAN

SUNGAI BESAR - Jentera Pakatan Harapan diarah membantu menggerakkan kempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia bagi memastikan Barisan Nasional (BN) tidak mempunyai peluang memenangi kedua PRK itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di pusat penamaan calon PRK Sungai Besar di Dewan Sri Bernam, pada 5 Jun lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden KEADILAN akan memastikan beliau turun padang lebih kerap dalam kempen PRK di Sungai Besar.

Katanya, beliau mempunyai jadual padat sepanjang Ramadan termasuk mengiringi DYMM Sultan Selangor dalam majlis berbuka puasa di seluruh daerah.

"Seperti tahun sebelumnya saya mempunyai jadual rasmi bersama DYMM Sultan Selangor berbuka puasa setiap malam.

"Namun, saya cuba turun padang membantu bagi kem-

pen PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin bersama Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dan Penasihat DAP, Lim Kit Siang turun memberi sokongan semasa penamaan calon di Sungai Besar.

Beliau bersama Wan Azizah kemudian meluangkan masa beramah mesra dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Mustapa Ali beserta calon BN, Budiman Mohd Zohdi termasuk pimpinan BN dan PAS.

PAKATAN yakin rakyat bijak buat pilihan

SUNGAI BESAR - Pakatan Harapan (PAKATAN) yakin rakyat khususnya di Sungai Besar bijak membuat pilihan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen itu, 18 Jun ini.

Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata ia berpandukan kecemerlangan Kerajaan Negeri dipimpin gabungan itu untuk meraih kejayaan.

"Kita harap akan menang, berdasarkan situasi di Selangor bukan mudah untuk membuat pilihan tetapi pengundi tahu dan bijak memilih," katanya kepada SelangorKini di sini, 5 Jun lalu.

PRK Sungai Besar menyaksi-

kan pertandingan tiga penjurua antara calon PAKATAN dari AMANAH, Azhar Abdul Shukur serta calon PAS, Dr Abdul Rani Osman dan calon Barisan Nasional (BN), Budiman Mohd Zohdi.

Mengulas lanjut, Wan Azizah berkata, PAKATAN berusaha gigih dalam tempoh kempen walaupun pihak lawan terutama BN memiliki kelebihan.

"Kita realistik dalam mana-mana pilihan raya kecil, kita hadap jentera BN yang kuat," katanya.

PRK Sungai Besar diadakan semula ekoran kematian penyandanginya, Tan Sri Noriah Kasnon dalam tragedi helikopter di Sebuyau, Sarawak, 5 Mei lalu.

PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN
P93 Selangor **SUNGAI BESAR**

Undi Awal
14 Jun 2016
Tarikh Undi
18 Jun 2016

| DAFTAR PEMILIH | | |
|-----------------------------|---------------------------------|---------------------------------|
| 42,655 Pemilih berdaftar | 49.84% 21,261 Pemilih lelaki | 50.16% 21,394 pemilih wanita |

CALON

Dr Abdul Rani Osman
PAS

Budiman Mohd Zohdi
BN

Azhar Abdul Shukur
Parti Amanah

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya / Infografi Bernama

RUMAH *selangorku*

LAMAN IMPIAN BANDAR BOTANIC

UNTUK BANTUAN PEMOHONAN KUNJUNGI PEJABAT JUALAN KAMI

Rumah Bandar 3 Tingkat Pegangan Bebas • 904 k.p.

PELAN LOKASI

LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

Pemohon boleh mendaftar secara 'online' atau muat turun borang permohonan di laman web LPHS - <http://lphs.selangor.gov.my>

Another Prestigious Project By:
GAMUDA LAND
ENRICHING LIFE

GAMUDA LAND (BOTANIC) SDN BHD (491736-4)
Property Gallery: No 1, Jalan Ambang Botanic,
Bandar Botanic, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

untuk maklumat lanjut

03-3323 8322

• No. Lesen Pemaju: 8393-34/11-2017/0947(L) • Tempoh Sah: 10/11/2015 - 09/11/2017 • No. Permit Iklan & Jualan: 8393-34/11-2017/0947(P) • Tempoh Sah: 10/11/2015 - 09/11/2017 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Klang • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPK/BGN-600-4/1/120(2014) • Bebanan Tanah: Tiada • Hakmilik Tanah: Pegangan Bebas • Tarik Jangka Siap: Sept 2016 • Harga Jualan: RM 220,000(min) - RM 473,064(mak) • Jumlah Unit: 306 unit

Waspada pembiakan Aedes

Penduduk perlu prihatin

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Masyarakat disarankan mengambil berat terhadap penularan wabak denggi dengan memberi kerjasama sewajarnya membasmi pembiakan Aedes.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sri Muda, Shuhaimi Shafiei, berkata masalah itu hanya dapat ditangani jika orang ramai peka terhadap tanggungjawab masing-masing.

"Disebabkan kita tinggal dalam komuniti berkongsi lantai dan bumbung, jadi dituntut semua masyarakat mengambil tanggungjawab demi kesihatan bersama dalam mengurangkan tempat pembiakan Aedes.

"Melalui usaha itu, kita dapat mengurangkan peningkatan wabak denggi yang berlaku di Seksyen 27, memandangkan ia antara tertinggi di Selangor," katanya pada Program Gotong Royong Keselamatan dan Kesihatan di perkarangan Padang bola



Tinjauan denggi diadakan bagi memupuk kesedaran masyarakat seluruh negeri terhadap bahaya wabak itu

Sepak Flat Proton, di sini, 4 Jun lalu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud; Pengerusi MPP Zon 10, Rozaini Hamzih; anggota polis Taman Sri Muda dan Ahli Bomba.

Sementara itu, Dr Mariah melahirkan kekesalannya terhadap masyarakat yang memandang enteng sebarang program membasmi denggi anjuran pihak berkuasa tempatan (PBT). Katanya, denggi bukan isu

kecil kerana ia membabitkan nyawa dan menjadi peranan masyarakat untuk turut serta menanganinya.

"Setiap kali PBT menganjurkan program, rakyat sendiri tidak memberi respon atau mengam-

bil berat, namun apabila ada ahli keluarga dijangkit denggi, pihak lain disalahkan.

"Diharapkan masyarakat lebih peka kerana denggi boleh terkena kepada sesiapa tidak mengenal usia," katanya.



Perangi denggi habis-habisan Hanya dua kes di Sabak Bernam

SHAH ALAM - Program Gotong-Royong dan Hapus Denggi anjuran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 10, di sini bertujuan mengurangkan wabak itu daripada terus berleluasa.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sri Muda, Shuhaimi Shafiei, berkata ia ekoran Seksyen 27 dan 28 antara kawasan *hotspot* mencatatkan demam denggi tertinggi di daerah Petaling dan seluruh Selangor.

Katanya, sehingga kini sebanyak 135 kes dilaporkan di Flat Proton, Seksyen 27 Shah Alam.

"Inisiatif dibawa MPP Zon 10 seharusnya disokong penduduk setempat dengan mengambil masa sepuluh minit membersihkan persekitaran dan dalam rumah khususnya.

"Kita sering fikir Aedes hanya membiak di luar rumah sedangkan kita mungkin dijangkiti ekoran pembiakan di dalam rumah itu sendiri seperti melalui

pasu bunga, kolam ikan mahupun akuarium kecil.

"Masyarakat disaran mengambil tanggungjawab ini bersama membantu mengurangkan pembiakan Aedes," katanya pada Program Gotong-Royong Keselamatan dan Kesihatan di perkarangan Padang bola Sepak Flat Proton, Seksyen 27, di sini, 4 Jun lalu.

Sementara itu, pengerusi MPP Zon 10, Rozaini Hamzih berkata antara kawasan tumpuan pembersihan itu adalah bahagian tangki air yang terdedah kepada matahari mengakibatkan penutupnya bengkok dan membolehkan air bertakung.

"Kita sudah menjalankan gotong-royong sejak awal bulan lalu dan akan ditangguh menjelang Ramadan sebelum meneruskannya hingga kes denggi di kawasan ini mencatatkan penurunan," katanya.

SABAK BERNAM - Kes denggi di kawasan Sabak Bernam mencatatkan penurunan dengan hanya dua kes bagi tempoh penghujung Mei lalu.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata faktor itu didorong kesedaran masyarakat terhadap bahaya Aedes.

"Kes denggi di Sabak Bernam sangat positif dengan mencatatkan sekitar dua atau tiga kes sahaja dan untuk minggu lalu kes dilaporkan cuma dua sahaja.

"Lebih baiknya, tiada kes denggi dilaporkan di Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) berbanding di kawasan lain untuk minggu lalu.

"Malah, pernah juga daerah Sabak Bernam mencatatkan sifar kes denggi sebelum ini dan terus berada di paras minimum berbanding kawasan lain," katanya ketika mengadakan pertemuan bersama

pengurusan HTAJ di sini, 1 Jun lalu.

Beliau berkata, penurunan itu akan menjadi sumbang saran kepada masyarakat ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Selangor bebas denggi.

"Saya harap hospital, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan masyarakat akan terus bersama-sama memastikan kawalan penyakit denggi ini dapat dihapuskan," katanya.

Statistik kes demam denggi terus memperlihatkan trend penurunan dari minggu ke minggu walaupun terdapat kebimbangan apabila bermulanya musim hujan, baru-baru ini.

Untuk rekod, sebanyak 1189 kes direkodkan pada epid ke-14 dan terus menurun kepada 1137 (epid 15), epid 16 (929), epid 17 (892), epid 18 (781), epid 19 (732) dan epid 20 (700) kes.



MBSA proaktif tangani kes denggi

SHAH ALAM - Empat kompaun dan notis penutupan sementara di dua tapak pembinaan dikeluarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ekoran didapati menjadi tempat pembiakan Aedes.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata pihak Majlis bertindak tegas terhadap premis didapati bersalah atas kesalahan membiak jentik-jentik Aedes di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

"Operasi ini selaras dengan tindakan bersepadu dilaksanakan di seluruh Selangor untuk memeriksa kawasan berpotensi menjadi tempat pembiakan jentik-jentik

Aedes," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata bermula Januari hingga 21 Mei 2016, MBSA melaksanakan aktiviti kawalan denggi dengan membuat pemeriksaan terhadap 10,840 premis sekitar Shah Alam.

Katanya, ia termasuk rumah kediaman, rumah kedai dan restoran, aktiviti semburan 'fogging' di 341,404 premis dan mengeluarkan 256 kompaun atas kesalahan membiak jentik-jentik Aedes.

"MBSA juga melaksanakan aktiviti pendidikan dengan mengedarkan 32,077 risalah dan 2,086 poster berkenaan demam denggi," katanya.



26 rumah berkembar di Telok Panglima Garang



KUALA LANGAT - 26 unit rumah berkembar satu tingkat di Jalan Helang, Telok Panglima Garang akan dibina dengan kos RM8 juta dan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM 10.5 juta.

Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Azlan Md Halifah, berkata projek Bentara Helang itu didirikan di atas tanah rizab Melayu oleh PKNS Engineering Construction Berhad (PECB), anak syarikat milik penuh PKNS.

Katanya, projek itu akan dibangunkan di atas tanah seluas tiga ekar dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2017.

"Seunitrumahberkeluasan 1,200 ke 1,300 kaki persegi (kps). Projek ditawarkan ini adalah kediaman ideal berinspirasi gaya hidup urban yang memaparkan seni bina mengikut trend semasa dengan rekaan moden dan praktikal.

"Ia dijual dengan harga bermula RM430,000 mengikut keluasan tanah. Sebanyak 22 unit rumah akan didirikan dengan keluasan 1,300 kps, manakala empat unit lagi dengan keluasan 1,200 kps," katanya dalam sidang media pada Majlis Pelancaran Pembangunan Bentara Helang, di sini.

Azlan berkata, harga unit rumah terbabit sangat berpatutan iaitu 12 hingga 15 peratus lebih rendah dari pasaran.

Sementara itu, Pengurus Besar PECB, Ahmad Pauzi Mhd Noor,



Ahmad Pauzi

berkata syarikat itu komited membangunkan dan memajukan tanah rizab Melayu di sekitar Selangor yang kebanyakannya terbiar dan diabaikan.

"PECB berhasrat menjadi pemaju yang memberi dimensi baru bagi pembangunan perumahan atas rizab Melayu dengan mementingkan pembangunan berkualiti dan menekankan aspek reka bentuk.

"Kami akan memastikan pembeli mempunyai keyakinan terhadap pembangunan dilakukan PECB," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata terdapat tiga projek yang akan dibangunkan PECB di atas tanah rizab Melayu iaitu di Jalan Balam dan Jalan Merbuk di Teluk Panglima Garang, Jalan Kebun dan Jalan Kampung Lombong Emas 3, dalam tempoh terdekat.

Bangunkan tanah rizab

PKNS senada Kerajaan Negeri

OLEH NORHAYATI UMOR

KUALA LANGAT - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) komited melaksanakan pembangunan di atas tanah rizab Melayu selaras hasrat Kerajaan Negeri yang melihat potensi besarnya.

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifah, berkata pendekatan membina projek perumahan di tanah rizab Melayu sedikit sebanyak mampu memenuhi permintaan daripada kelompok pembeli perumahan kos sederhana tinggi.

Katanya, PKNS kini dalam proses pembelian tanah rizab Melayu di Dengkil berkeluasan 150 ekar selain melihat potensi pembangunan di kawasan ping-

gir bandar seperti Banting, Meru, Kapar, Kajang, Hulu Langat dan Kuala Selangor.

"Walaupun pembinaan berskala kecil, namun saya yakin ia tidak menjadi penghalang untuk kita membina perumahan berkualiti dan memberi peluang meningkatkan gaya hidup sosial masyarakat Melayu di pinggir bandar.

"Saya percaya anak-anak syarikat PKNS mampu membangunkan projek perumahan tanah rizab Melayu dengan kualiti setanding pemaju ternama," katanya dalam sidang media selepas Merasmikan Pembangunan Bentara Helang, di sini, 2 Jun lalu.

Azlan berkata, bagi menarik lebih ramai pembeli Melayu,

PKNS menyediakan kediaman berkonsepkan pembangunan mampan dengan reka bentuk moden dan kawalan keselamatan efektif serta persekitaran harmoni.

"Tiga anak syarikat PKNS iaitu PIB, PECB dan Selangor Industrial Corporation (SIC) akan membina sekurang-kurangnya empat projek tahun ini di atas tanah rizab Melayu dengan nilai GDV RM70 hingga RM80 juta.

"Pemilik tanah yang mahu tanahnya dibangunkan boleh menghubungi kita untuk bekerjasama kerana kita mahu pembeli tidak terbeban dengan projek terbengkalai jika mereka hanya membeli tanah lot," katanya.

120 warga kerja PKNS dan kariah masjid bersama gotong royong

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) meneruskan tradisi tahunan dengan aktiviti gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid Al-Muttaqin, Dusun Tua sebagai usaha membina warga kerja bersifat harmoni komuniti.

Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifah, berkata ia adalah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) perbadanan itu bertujuan merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat.

Katanya, seramai 120 warga

kerja PKNS dan kariah masjid bersama mengerah tenaga membersihkan tanah perkuburan sempena menyambut kehadiran Ramadan.

"Aktiviti kemasyarakatan seperti ini perlu menjadi tradisi dan diterapkan dalam kalangan masyarakat Islam di negara kita supaya kawasan tanah perkuburan orang Islam sentiasa bersih dan selesa untuk dikunjungi masyarakat.

"Selain itu, usaha seumpama ini dapat mengingatkan kita kepada kematian di samping menandakan mereka yang terlebih da-

hulu kembali menghadap Illahi," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, kakitangan PKNS, Muhammad Ammar Mukhid, 27, berkata program itu amat murni dan perlu diteruskan pada masa akan datang kerana ia boleh mengukuhkan hubungan ukhuwah sesama masyarakat.

"Kebanyakan ahli kariah yang hadir sebagai sukarelawan sudah berusia, jadi saya rasa menjadi tanggungjawab untuk bersama mereka meringankan tenaga membersihkan kawasan kubur," katanya.





PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN INDUSTRI KOMUNITI KAMPUNG 2016

#SmartUMPH #SmartSelangor



YAB Dato' Seri
Mohamed Azmin Bin Ali
DATO' MENTERI BESAR

YB Dato' Dr.
Ahmad Yunus Bin Hairi
EXCO KERAJAAN NEGERI

KURSUS YANG DITAWARKAN

1 Usahawan Kiosk Makanan
(Aiskrim Colek | Pau Maharani,
Ice Blended | Cendol dan Rojak,
Apam Balik | Keropok Lekor)

2 Usahawan Terapi Komplimentari
(Stimulatherapy)

3 Usahawan Membaiki Kasut

4 Usahawan Gunting Rambut

SYARAT PENYERTAAN:

- ▶ Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Negeri Selangor / telah bermastautin di Negeri Selangor lebih daripada 10 tahun;
- ▶ Berumur di antara 21 hingga 49 tahun;
- ▶ Memiliki kelulusan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); atau
- ▶ Telah mengamalkan amalan perubatan tradisional (kursus stimulatherapy), telah mula berniaga atau sedang dalam berjinak-jinak dengan jual beli dan aktiviti keusahawan bagi usahawan makanan jajaan dan minuman;
- ▶ Tidak pernah mengikuti program yang sama serta tidak pernah menerima bantuan dari mana-mana agensi kerajaan (Negeri atau Persekutuan)

Syarat Penyertaan dan Borang Penyertaan boleh diperolehi di
Pusat Khidmat Masyarakat
yang berhampiran atau Muat Turun di
<http://www.selangor.gov.my>

**TARIKH TUTUP PENYERTAAN
1 JULAI 2016**

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI :
Urusetia **03-5544 7921 / 7920**
Portal Selangor <http://www.selangor.gov.my>
Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran



Pesakit kurang mampu terus dibantu

SABAK BERNAM - Inisiatif memastikan Selangor mampu membangun sebagai negeri berkeadilan diteruskan menerusi pelaksanaan Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata program terbabit dilaksanakan di bawah pelan pembangunan Masyarakat Ekonomi Selangor (MES).

"Program ini dilaksanakan membantu pesakit tidak mampu membayar bil rawatan seperti dialisis tahunan, pembedahan katarak mata, pembedahan kecil, pemberian kaki palsu dan lain-lain permohonan.

"Pesakit terlantar di rumah dan tidak mampu membeli lampin pakai buang, susu yang mahal juga mendapat perhatian dengan hanya memohon ban-

tuhan kesihatan di DUN masing-masing," katanya kepada SelangorKini.

Sehingga hujung tahun lalu, RM1.2 juta dibelanjakan bagi memperkasa program terbabit dengan 405 individu seluruh negeri menerima manfaat.

Peruntukan bagi setiap rawatan adalah berbeza, antaranya dialisis buah pinggang, pembedahan kecil dan kaki palsu diberi tidak melebihi RM5,000.

Manakala, pembedahan katarak mata tidak melebihi RM1,200 dan lain-lain rawatan seperti peralatan kesihatan juga tidak melebihi RM5,000.

Program terbabit dilaksanakan sejak 2009 dengan dengan memberi tumpuan membiayai bantuan kesihatan kepada rakyat termiskin di seluruh negeri.

Ziarah Medik

Lawat pesakit sambil beramal

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

SABAK BERNAM - Pesakit di Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) Sabak Bernam, di sini menerima khidmat kaunseling percuma menerusi program Ziarah Medik, 1 Jun lalu.

Khidmat sosial terbabit dizarhkan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi yang memberi fokus kepada lawatan bersifat kebajikan.

Bercakap kepada Selangor-

Kini, Daroyah berkata gerak kerja tahunan itu mensasarkan lawatan di hospital seluruh negeri, sejajar gagasan 'Smart State' mensejahterakan kebajikan rakyat Selangor.

"Program Ziarah Medik ini sudah kita laksanakan setiap tahun yang mana gerak kerjanya dimulakan dengan mengadakan lawatan di hospital seluruh negeri.

"Kali ini lokasi yang dipilih adalah Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam.

"Selepas ini, Program Ziarah Medik akan digerakkan lagi sepanjang Ramadan," katanya.

Hadir sama, Pengarah HTAJ, Dr Jameela Banu; Timbalan Pengarah HTAJ, Dr Suriani Bakin, wakil Unit Perancangan Ekonomi Selangor (UPEN), NGO Ihsan Umar dan Skuad Arif.

Pada masa sama, Daroyah turut menyampaikan sumbangan kepada lebih 20 pesakit sebagai sokongan moral untuk memastikan mereka terus positif meneruskan kehidupan.

Pastikan khidmat hospital terbaik

SABAK BERNAM - Kerajaan Negeri tidak bercadang menyediakan khidmat doktor pakar di Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ), kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, bidang kuasa Kerajaan Negeri menetapkan cadangan itu termaktub di bawah kuasa Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Pusat untuk sebarang keputusan.

Bagaimanapun katanya, Kerajaan Negeri terus konsisten memastikan perkhidmatan hospital di seluruh negeri terus berada pada tahap terbaik demi kesejahteraan masyarakat.

"Untuk hospital, Kerajaan Negeri tiada kuasa itu. Kita memang boleh minta kepada Kementerian Kesihatan untuk

menaik taraf perkhidmatan rawatan hospital dengan meletakkan pakar bersesuaian.

"Namun merujuk kepada persekitaran di hospital ini, HTAJ hanya mempunyai 94 katil sahaja, jadi mungkin keperluan itu masih belum di peringkat pelaksanaannya," katanya.

Beliau berkata, jika ada pesakit yang memerlukan rawatan doktor pakar, HTAJ akan mengemukakan laporan untuk menghantar mereka ke hospital dengan kemudahan pakar seperti Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR).

"Masyarakat tidak perlu bimbang kerana pemantauan secara khusus tetap diberikan sebagai usaha pihak hospital memberi perkhidmatan terbaik," katanya.

Masyarakat tidak perlu bimbang kerana pemantauan secara khusus tetap diberikan sebagai usaha pihak hospital memberi perkhidmatan terbaik

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

Terdahulu, Daroyah mengadakan pertemuan bersama penguurusan HTAJ sebagai rangka kerja di bawah Program Ziarah Medik di hospital berkenaan.

'Big Girls Talk' tingkat kesedaran penjagaan diri

SHAH ALAM - Lebih 300 remaja perempuan seluruh Selangor menyertai program 'Big Girls Talk' bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap masalah gejala sosial.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata program berbentuk pendidikan itu bagi memastikan remaja mempunyai kesedaran terhadap penjagaan diri.

Katanya, remaja mengalami perubahan fizikal, biologi dan emosi yang menuntut kebijaksanaan dalam membuat pilihan.

"Kita mahu remaja membuat pilihan tepat berkenaan tingkah laku berisiko tinggi seperti penglibatan seksual

sebelum perkahwinan serta kesannya.

"Remaja juga perlu bijak membezakan antara cinta dan nafsu serta menyedari kepentingan aspek kebersihan dan kesihatan mereka," katanya ketika merasmikan program itu di Hotel De Palma, di sini, pada 31 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri (ADN), Tiew Way Keng dan Penolong Pengarah Seksyen Sektor Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Shahrul Jinna Teng.

Berdasarkan statistik terbaru Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seramai 18,000 remaja hamil dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan pada setiap tahun.

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

MOU Hijrah-CNI

Perkasa usahawan Selangor



OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Permeteraian Perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) antara Yayasan Hijrah Selangor (HIJRAH) dan CNI Corporation Sdn. Bhd mampu menjana pembangunan ekonomi usahawan di seluruh negeri.

Pengurus Operasi HIJRAH, Roslim Akhir, berkata inisiatif itu membuka peluang lebih besar kepada usahawan seluruh negeri untuk lebih berdaya saing seiring kehadiran pasaran.

"Kerjasama ini tidak terhad kepada pemberian pinjaman usahawan

CNI sahaja tetapi meliputi gerak kerja menerusi penganjuran kursus keusahawanan.

"Pihak CNI sendiri memang mempunyai fasiliti dan komponen penting untuk membuka jaringan kerjasama ini kerana mereka mempunyai kemudahan serba lengkap membantu usahawan.

"HIJRAH menggunakan peluang ini membantu usahawan mereka dengan memberikan modal pinjaman jangka panjang,"katanya pada Majlis Permeteraian Perjanjian MOU bersama wakil CNI di Diamond Hall, CNI Enterprise Hicom Glenmarie Industrial Park, di sini, 3 Jun lalu.

MOU persefahaman itu memfokuskan usahama antara kedua pihak untuk melebarkan jaringan keusahawanan peniaga di seluruh Selangor.

Menerusi pemeteraian itu juga Roslim berkata, usahawan CNI dari Selangor berpeluang membuat pinjaman kewangan tanpa faedah daripada HIJRAH untuk meningkatkan jaringan keusahawanan mereka.

"Selain daripada memberikan pembiayaan modal kepada usahawan, HIJRAH juga menyediakan kursus keusahawanan peminjam seluruh negeri.

Promosi halal, e-dagang tarik pelabur China

SHAH ALAM - Invest Selangor Bhd kini memberi tumpuan kepada promosi e-dagang dan halal bagi menarik lebih ramai pelabur asing, terutama dari China, ekonomi kedua terbesar dunia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Hasan Azhari Idris, berkata China adalah pasaran yang menawarkan banyak peluang.

"Industri halal menawarkan potensi terbesar kepada syarikat China untuk dimanfaatkan ekoran mereka menghadapi kesukaran mendapat pensijilan.

"Justeru, mereka mendirikan kilang pemprosesan di Selangor dan mendapatkan pensijilan halal Malaysia, yang diiktiraf seluruh dunia,"katanya dipetik BERNAMA.

Beliau berkata demikian pada Pameran Perdagangan dan Perkhidmatan Antarabangsa China-Beijing, di Beijing, 30 Mei lalu.

Cabang pelaburan Kerajaan Selangor itu dalam misi pelaburan seminggu ke China meliputi Beijing, Yinchuan (ibu negeri wilayah autonomi Ningxia Hui), Xi'an (ibu negeri wilayah Shaanxi), Chengdu dan Mianyang di wilayah Sichuan.

Delegasi terdiri daripada lapan pegawai itu diketuai Exco negeri, Dato' Teng Chang Khim.

Pada masa sama, Hasan berkata terdapat potensi besar dalam industri berteknologi tinggi dan kenaikan kos buruh di China

memberi kelebihan kepada Malaysia.

Katanya, syarikat Malaysia perlu merebut peluang untuk menarik lebih banyak syarikat China mendirikan perniagaan di Selangor dan Malaysia.

"Walaupun tiga pelabur terbesar di Selangor adalah dari Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat, namun peningkatan usaha promosi dengan memberi tumpuan ke atas lima kelompok utama akan menarik lebih ramai pelabur dari China.

"Kelompok terbabit ialah elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan, sains hayat, pengeluaran makanan dan minuman serta kejenteraan dan kelengkapan,"katanya.

Sementara itu, Chang Khim berkata, misi itu memberi tumpuan kepada dua matlamat iaitu mempromosi Selangor sebagai pintu masuk perniagaan dan mengalu-alukan syarikat China terlibat dalam Ekspo Antarabangsa Selangor mulai 20 hingga 22 Oktober depan.

"Terdapat banyak peluang ekoran kedudukan strategik Selangor. Kami cuma menarik usahawan China untuk datang dan menjadikan Selangor sebagai pangkalan mengembangkan perniagaan ke ASEAN, Asia serta di peringkat global,"katanya.

CNI wujud program keusahawanan, jana ekonomi negeri



SHAH ALAM - CNI Corporation Sdn Bhd merangka pelan kerjasama dengan Kerajaan Negeri membabitkan bidang utama pembangunan negeri demi manfaat jangka panjang rakyat Selangor.

Pengarah Esekutifnya, Chan Kok Liang, berkata pihaknya bersedia mewujudkan pelbagai program bersifat pembangunan negeri.

"Kumpulan CNI banyak terlibat dalam kegiatan pelaburan merangkumi aspek pembangunan sebagaimana kejayaan kita capai.

"Antaranya melibatkan sektor pelancongan dan pendidikan. Jadi adalah tidak mustahil kita boleh mengadakan perbincangan dan mewujudkan program berbentuk keusahawanan.

"Kumpulan CNI sememangnya mengambil sifat terbuka untuk mewujudkan peluang ini,"katanya kepada Selangor-Kini.

Pada masa sama, CNI kini mempunyai lebih 66 pusat edaran, 103 pusat khidmat jualan dan kira-kira 108,000 pengedar di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei.

Gaya Hidup Yang Tersendiri Dalam Kejiranan Eksklusif Ara Damansara

HANYA UNIT BUMIPUTRA UNTUK DIJUAL!

Jemputan Eksklusif ke Urbana Residences

Tempat : A-1-5, Jalan Todak 4, Sunway Business Park, 13700 Prai, Penang

Tarikh : 17 - 19 Jun 2016 (Jumaat - Ahad)

Masa : 10.30pg - 5.00pg

Akses Kepada 7 Lebuhroya Utama Dan Hub LRT Baru

Untuk maklumat lanjut:

T: +603 7950 9688
M: +60111 269 4488
W: urbana.com.my

Download our free Urbana Residences App Store | Google play

Imarah sambutan Ramadan

Surau DUN Batu Caves terima sumbangan RM40,000

OLEH ASRI SAPPFIE

BATU CAVES - Kira-kira RM40,000 disumbangkan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Batu Caves kepada beberapa surau di kawasan terbabit bagi mengimarahkan sambutan Ramadan kali ini.

Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata sumbangan itu boleh digunakan untuk majlis berbuka puasa dan program ceramah sepanjang Ramadan.

"Sumbangan ini tidak termasuk Aidilfitri yang akan diberi dengan jumlah keseluruhan sumbangan setiap tahun dianggarkan dalam lingkungan RM60,000 ke RM70,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Malam Cinta Rasul dan Ihya Ramadan DUN Batu Caves di Laman Bourganvillea, Kampung Sungai Kertas, 4 Jun lalu.

Sementara itu, Pengerusi Surau



Desa Putra, Mustafa Kamal, 48, bersyukur dan berterima kasih atas sumbangan terbabit.

"Keprihatinan Kerajaan Negeri tidak memilih kasih, buktinya surau kecil seperti kami turut merasa rezeki sumbangan diagihkan ini," katanya.

Pengerusi Surau Al Ehsan, Othman Musa, 67, berkata surau itu bakal menarik lebih banyak golongan belia untuk turut sama

dalam program Ramadan tahun ini.

"Kami turut menyediakan program tadarus khusus kepada anak muda mempelajari Al-Quran setiap malam sepanjang Ramadan," katanya.

Majlis Ihya Ramadhan adalah antara majlis tahunan dinantikan masyarakat di DUN itu ekoran pengisian ceramah oleh penceramah terkenal tanah air.



Kukuh semangat kejiranan, elak budaya tak peduli

KAJANG - Kejiranan yang peka dan prihatin terhadap komuniti perlu dikukuhkan sebagai usaha membentasi jenayah, kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau berkata sikap tidak mempedulikan jiran yang diamalkan segelintir pihak perlu dijauhan demi keharmonian bersama.

"Sifat kejiranan itu penting kerana saya masih ingat anak saya yang ketika itu jatuh dengan membawa dua orang anaknya.

"Dalam kecemasan beliau meminta bantuan jiran untuk menjaga sementara anaknya. Sebab itu pentingnya jiran kerana ia boleh menampung antara satu sama lain," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Pencegahan Jenayah Bersama Komuniti Sun-

gai Chua di perkarangan parkir Pasar Sungai Chua, 4 Jun lalu.

Beliau turut menyeru komuniti khususnya di Kajang mempelbagaikan aktiviti masyarakat supaya pengukuhan perpaduan dapat ditingkatkan.

Selain itu, katanya jalinan kerjasama erat antara komuniti dan polis dapat membantu mencegah jenayah daripada terus berleluasa.

"Namun, polis masa kini bukan sahaja berdepan jenayah awam seperti rompakan dan kecurian, malah turut membabitkan jenayah siber," katanya.

Pada masa sama, Wan Azizah turut menyampaikan bantuan alat keselamatan baju, wisel dan lampu suluh kepada lima persatuan penduduk.

DUN Sri Muda pohon bina lapan masjid



SHAH ALAM - Pembinaan lapan masjid di DUN Sri Muda sudah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sri Muda, Shuhaimi Shafiei, berkata permohonan itu dibuat bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan terbabit selain menambah baik masjid sedia ada.

"Polisi Kerajaan Negeri adalah pembinaan masjid di setiap daerah satu kawasan, namun ekoran Klang dan Petaling mempunyai kepadatan penduduk tinggi, maka untuk mendapatkan masjid kita terpaksa menunggu dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sumbangan Ihya Ramadan di Masjid An-Naim, Kampung Jalan Kebun, di sini, 4 Jun

lalu.

Bagaimanapun, Shuhaimi berkata, beberapa masjid dipohon sejak 2008 sebahagiannya sudah siap terbina manakala selebihnya dalam proses pembinaan.

Antaranya adalah masjid di Taman Sri Muda yang siap pada 2013 dengan nilai RM7 juta serta satu lagi di Kampung Johar Setia tahun lalu.

"Pada tahun ini masjid di Kota Kemuning akan mula dibina dengan peruntukan RM1 juta untuk pecah tanah dengan kos keseluruhan RM10 juta.

"Pada masa sama terdapat masjid dalam kariah Kampung Jalan Kebun yang pembinaannya mencecah hampir 80 peratus dengan kos lebih kurang sama," katanya.



Canary Residence
@ Cheras Hartamas

3 & 4 TINGKAT VILLA EKSKLUSIF



UNIT SEBENAR
SEDIA DIKUNJUNGI

Gambaran Rumah Sebenarnya

- Kemudahan Kelab Rekreasi
- Kolam Renang
- Gimnasium
- Jakuzi Luaran*
- Lif Peribadi*
- Komuniti Berpagar Dengan 24 Jam Kawalan Keselamatan

- Berdekatan Dengan Kemudahan MRT
- Bumiputera Diskaun 7%
- Akses: Jalan Cheras, Lebuhraya Hubungan Timur - Barat & Lebuhraya Lingkar Tengah 2

* Sah untuk villa 4 tingkat sahaja

DISKAUN
BUMIPUTRA
7%

HUBUNGI KAMI UNTUK
MAKLUMAT LANJUT

www.ocr.com.my

Hubungi Kami: **03-7710 1000**



OCR NOBLE LAND (CANARY) SDN BHD (967586-U)
A-3A-01, Block Allamanda, 10 Boulevard, Lebuhraya SPRINT PJU 6A, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
tel 03 7710 1000 fax 03 7729 0300 email enquiry@ocr.com.my



ADN Cempaka, Dato' Iskandar Abdul Samad melakukan aktiviti gotong royong bersama penduduk di sekitar Pandan



Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani melawat kawasan rumah terbakar di Banting

ADN Sijanggang, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi mencuba sendiri sukan go-kart ketika menghadiri Sijanggang Racing Jalan Sempadan



Ahli Parlimen Subang, Sivarasa Rasiah menyampaikan sumbangan kepada Kuil Sri Mariamman Alayalam



Ahli Parlimen Selangor, William Leong menyampaikan sumbangan kuih dan moreh kepada Masjid Sri Melati, Selangor



ADN Kinrara, Ng Sze Han memeriksa kebersihan longkang bagi mengelakkan kejadian banjir kilat berulang di DUN itu



ADN Teratai, Tiew Way Keng menghadiri bengkel membuat sabun anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN itu



ADN Permatang, Sulaiman Razak menghadiri Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang di SMK Dato' Harun



Ahlan Ya Ramadan

Bulan Ramadan yang menjengah adalah tetamu sangat istimewa yang hanya datang sekali dalam setahun membawa seribu satu kebaikan dan keberkatan.

Bersama kehadirannya juga hadiah dan pemberian daripada ar-Rahman, pahala dan ganjaran yang digandakan dan segala perbuatan dan amalan yang boleh meningkatkan keimanan.

Ia adalah berita gembira buat seseorang mukmin kerana pintu syurga dibuka bulan ini, juga berita gembira buat pendosa dan pelaku maksiat kerana pintu taubat dibuka luas dan pintu neraka ditutup.

Bahkan berita gembira kepada seluruh umat manusia kerana syaitan dibelenggu bulan ini.

Ahlan ya Ramadan yang dinamakan juga sebagai bulan ibadah puasa mula difardhukan pada bulan Syaaban tahun kedua hijrah.

Bermula saat itu, seluruh umat Islam wajib berpuasa sepanjang Ramadan kerana ibadah ini bakal mendekatkan diri kita kepada Allah SWT ditambah dengan amalan lain yang sangat digalakkan untuk dilakukan.

Bagi orang-orang soleh, bulan ini adalah bulan pesta ibadah, supaya termasuk dalam golongan dibebaskan Allah SWT daripada azab api neraka.

Kita hendaklah membuat persediaan dan persiapan sewajarnya bagi menyambut kedatangan Ramadan sebagai tetamu istimewa, antaranya:

1. Bersihkan hati dan perbaharui niat.

Sebelum kedatangan Ramadan yang mulia, alangkah eloknya jika kita dapat beristighfar dan bertaubat memohon keampunan Allah SWT bagi membersihkan hati dan jiwa supaya mudah melakukan ketaatan dan kebajikan.

Kita juga hendaklah memperbaharui niat dan azam untuk tidak mensia-siakan Ramadan tahun ini. Sesungguhnya niat dan keazaman tinggi mampu menjadi daya kekuatan dan istiqamah dalam merebut ganjaran yang disediakan Allah SWT khususnya menerusi ibadah fardhu dan sunat.

Contohnya ibadah Nabi SAW yang sangat mengambil berat dalam melaksanakan ibadah di bulan Ramadan terutamanya pada sepuluh malam terakhir sehingga ahli keluarganya juga diajak bersama.

2. Ilmu berkenaan puasa.

Persiapan seterusnya yang perlu dilakukan sebelum ketibaan Ramadan adalah ilmu fiqh berkenaan ibadah



Seluruh umat Islam wajib berpuasa sepanjang Ramadan kerana ibadah ini bakal mendekatkan diri kita kepada Allah SWT ditambah dengan amalan lain yang sangat digalakkan untuk dilakukan

menguasai ilmu berkenaan puasa bakal mendedahkan seseorang kepada banyak kemusykilan sehingga menjadikan dirinya tidak yakin dengan puasanya.

Perasaannya menjadi resah dan gelisah kerana tidak mengetahui hukumnya. Mungkin puasanya sah tetapi disangka batal dan mungkin puasanya batal tetapi masih disangka sah. Oleh itu, kita perlu membuat persediaan ilmu sebelum tibanya Ramadan.

3. Membaca dan mentadabbur al-Quran.

Ramadan demi Ramadan sudah berlalu, namun ramai dalam kalangan kita yang buta dan jahil untuk membaca al-Quran dengan baik. Hari ini kita berpeluang mempelajari dan meningkatkan pembacaan al-Quran berpandukan kaedah dan peralatan moden yang boleh dimanfaatkan.

Beruntunglah mereka yang membaca al-Quran khususnya ketika Ramadan kerana ganjaran pahala yang diberikan banyak. Nabi SAW memberitahu kita sebagaimana dalam riwayat al-Tirmizi bahawa setiap satu huruf daripada ayat al-Quran adalah satu kebajikan bernilai sepuluh kali ganda.

Apatah lagi jika dilakukan pula tadabbur ayat al-Qur'an yang sudah dibaca, maka kita akan memperoleh pahala tambahan pula kerana kefahaman dan ilmu dipelajari.

4. Melipatgandakan amalan Infak ketika Ramadan.

Persediaan seterusnya adalah harta secukupnya berdasarkan kemampuan masing-masing bertujuan diinfakkan sepanjang Ramadan. Ini kerana pahala bersedekah pada Ramadan akan

dilipatgandakan Allah SWT berbanding bulan lain.

Nabi SAW sendiri yang merupakan manusia paling pemurah pun menginfakkan hartanya dengan lebih banyak sepanjang Ramadan yang digambarkan seperti 'angin bertiup' sebagaimana dicatatkan dalam hadith.

Salah satu cara untuk melipatgandakan amalan infak adalah dengan menjamu orang lain ketika berbuka puasa ketika Ramadan.

Justeru, umat Islam disarankan menghayati perkara berikut:

1. Memahami bahawa Islam adalah agama menggabungkan aqidah, syariat dan akhlak
2. Menyambut kedatangan Ramadan dengan hati bersih dan penuh rasa ketaqwaan
3. Membuat persiapan dan persediaan sewajarnya sebelum kedatangan Ramadan sama ada ilmu atau harta
4. Berazam meningkatkan amalan sepanjang Ramadhan nanti dan bermula dari sekarang dengan amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT

Bagi orang-orang soleh, bulan ini adalah bulan pesta ibadah, supaya termasuk dalam golongan dibebaskan Allah SWT daripada azab api neraka



Peluang belajar bersama imam

Masjid negeri laksana 'Al-Quran Imamku'

OLEH AFIX REDZUAN

MASJID Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam memberikan peluang kepada jemaah mempelajari al-Quran bersama imam bersempena kehadiran Ramadan tahun ini.

Imam Besar Masjid Negeri, Muhammad Farhan Wijaya, berkata, 'Al-Quran Imamku' adalah aktiviti terbaru yang diperkenalkan buat pertama kali pada Ramadan tahun ini.

"Jemaah diberikan peluang untuk mengaji bersama imam Masjid Negeri, bermula jam 9.00 hingga 10.30 pagi.

"Kita beri peluang jemaah untuk mengaji bersama tujuh imam di dewan solat atas dan mereka boleh pilih (imam)," katanya.

Seperti kelaziman di bulan Ramadan, majlis berbuka puasa serta moreh untuk 1,500 orang dianjurkan setiap hari yang akan dimulakan dengan majlis tahlil ringkas.

Solat sunat terawih pula akan dilangsungkan 20 rakaat setiap malam selain diimamkan oleh 17 imam jemputan.

Antara yang terbabit untuk Ramadan kali ini adalah qari kebangsaan, Ustaz Tarmizi Ali dan Ustaz Amir Rahman.

Tidak cukup dengan itu, program qiamullail turut diadakan bermula malam ke-16 Ramadan sehingga penghujung.

Selain itu, tradisi pengagihan bubur lambuk diteruskan dengan 1,500 pek akan disumbangkan kepada jemaah selepas solat Asar sepanjang Ramadan.

Pada masa sama, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Masjid Negeri, Luqman Hakim menjelaskan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah juga bakal menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama DYMM Sultan Selangor, pada 8 Jun ini.

Antara pengisian program lain yang diadakan di Masjid Negeri termasuk rancangan Tanyalah Ustaz secara langsung sela-

ma satu jam bermula 7.00 pagi setiap hari di dewan seminar dan diteruskan dengan Diskusi Dhuha, bermula jam 8.30 pagi.

Sebelah petang pula bakal menyaksikan program tazkirah selepas solat zohor setiap hari.

Pada tahun ini, pihak masjid menyediakan perkhidmatan lima buggy bagi memudahkan jemaah yang meletak kenderaan jauh untuk menunaikan solat.

Selain itu, 'Kids Corner' turut diwujudkan untuk penjagaan kanak-kanak sepanjang solat terawih.

Masjid Negeri juga menganjurkan daurah kitab Turath' bersama Habib Najmudir Al-Mhaidred di Dewan Seminar selain bakal melancarkan pusat kafe siber yang baru.

Majlis khatam al-Quran dan tadarus shabab diadakan setiap Sabtu dan Ahad selepas Asar, selain menempatkan 13 amil bagi melancarkan proses kutipan zakat.



Masjid Bukit Jelutong

Anjur pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan

MASJID Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong menganjurkan pemberian bubur lambuk kepada jemaah selepas solat Asar sepanjang bulan Ramadan.

Penolong Pengurusnya, Abas Mohamad Yusof, berkata aktiviti itu diteruskan seperti tahun sebelumnya selain menyediakan juadah berbuka puasa dan moreh selain solat sunat terawih 20 rakaat.

"Kita turut menyediakan juadah bersahur selain menganjurkan qiamullail pada 10 malam terakhir Ramadan," katanya kepada SelangorKini.

Selain itu, aktiviti tadarus Al-Quran turut dianjurkan seperti sebelum ini termasuk Majlis Khatam Al-Quran.

Bersempena Ramadan juga, Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong turut menganjurkan ceramah Nuzul Al-Quran.

RAMADHAN EVENT 2016H/1437H

- Agihan bubur lambuk setiap selepas Asar
- Perkhidmatan buggy jam 6 ptg hingga 11 mlm
- Juadah berbuka puasa dan moreh disediakan
- Sahur dan Qiyamullail pada 10 malam akhir Ramadan
- Solat Tarawikh • Tadarus Al-Quran • Majlis Khatam Al-Quran
- Ceramah Nuzul Al-Quran

اهلا وسهلا يا رمضان كريم

Selamat Menyambut bulan **RAMADHAN AL-MUBARAK** 1437H 2016M

diucapkan kepada semua Muslimin & Muslimat daripada

Pegawai Masjid dan Saf Kepimpinan Masjid DiRaja Tengku Ampuan Jemaah 2016

Tiada kemenangan tanpa Zikrullah,
Tiada amal tanpa keikhlasan,
Tiada ampunan tanpa maaf dari sesama,
Marhaban ya Ramadhan

PAKEJ BERBUKA PUASA

De Palma Hotel

Tema Buffet Ramadan : Gempita Rasa 29 Malam
Tawaran harga : Dewasa RM68 / Kanak-kanak RM34
Alamat : Jalan Selaman 1/2, Palm Square, Ampang Point
Jalan Ampang, 68000 Ampang, Malaysia
TEL: +603-4270 7070

Kelab Golf Seri Selangor

Tema Buffet Ramadan : Citarasa Tradisional Malaysia
Tawaran Harga : Dewasa RM58++ / Kanak-kanak RM39.00
Alamat : Persiaran Damansara Indah,
Off Persiaran Tropicana 47410 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
TEL: +603-7806 1111

Grand Bluewave Shah Alam

Tema Buffet Ramadan : Sinaran Ramadan
Tawaran Harga : Dewasa RM121.00++ / Kanak-Kanak RM68.90
Alamat : Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam,
Selangor, Malaysia
TEL: +603-5511 8811

INTEKMA Resort & Convention Centre

Tema Buffet Ramadan : Iftar @Intekma Ramadan
Tawaran Harga : Family Package RM149 NETT (2 Adults + 2 Children)
Alamat : Persiaran Raja Muda, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia
TEL: +603-5522 5000

UPM Banquet Serdang

Tema Buffet : Sajian Warisan
Tawaran Harga : Dewasa RM49.00 / Kanak-Kanak RM24.90
Alamat : UPM Consultancy & Services Sdn Bhd, Tingkat 1 Banquet Hall, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor Darul Ehsan
TEL: 011-1898 5440

Katering Pengkalan Selera

Tema Buffet : Ramadan Puri Buana
Tawaran Harga : Dewasa RM55 / Kanak-kanak RM35
TEL : 012-3983940

Dorsett Hotels

Tema Buffet : Selera Kampung
Tawaran Harga : Dewasa RM140 / Kanak-kanak RM105.00
Alamat Jalan SS12/1, 47500 Subang Jaya Selangor, Malaysia
TEL : +603 5031 6060

Kafe Citra Rasa

Tema Buffet : Sajian Citra Rasa
Tawaran Harga : Dewasa RM40 / Kanak-kanak RM20
Alamat : 1-13, Blok 1, Presint Alami, 2, Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Malaysia
TEL : 60355181223

Restoran Khan Baba

Tema Buffet : Different Varieties
Tawaran Harga : Dewasa RM34.90 / Kanak-kanak RM19.90
Alamat : NO16-18 Jalan Jernal, Medan Idaman Gombak 55100, Gombak Selangor
TEL : 03-40216995

Pamer keaslian 200 hidangan Melayu

Sajian Ramadan di Hotel Aliya

OLEH ERMIZI MUHAMAD

MENJAMU selera dengan persekitaran ala kampung pastinya menggigit pengalaman pengunjung untuk terus menikmati sajian tradisi Melayu di Hotel Aliya, Klang.

Terletak di tengah-tengah bandar Klang, Hotel Aliya menawarkan sajian terbaik buat penggemar sajian Melayu sebagai juadah berbuka puasa kali ini.

Menjejakkan kaki ke ruang makan hotel, halwa telinga pengunjung dibuai dengan rentak muzik asli yang membawa imaginasi seolah-olah berada dalam dimensi 'Melayu lama'.

Di suatu sudut, pengunjung turut disaji dengan beberapa rekaan ruang makan bercirikan hiasan kesenian Melayu asli, namun masih ada beberapa ruang masih terserlah elemen moden seiring perkembangan zaman.

Lebih manis, pengunjung juga seperti 'dilayan mesra' dayang-dayang istana oleh penyambut tetamu lengkap berpakaian kebaya Melayu asli.

Tidak lekang senyuman di bibir, si penyambut tetamu terus menjadi penyeri sebuah perkampungan Melayu asli di tengah-tengah kepesatan pembangunan bandar Klang.

Rasanya, belum sempurna kalau tidak bercerita perihal keistimewaan sajian Melayu yang tersedia sepanjang Ramadan di Hotel Aliya ini.

Buat penggemar ikan tenggiri masak lemak cili api, barangkali ini akan menjadi santapan paling memukau sentuhan air tangan Chef Eksekutifnya, Chef Abdul Halim.

Tidak perlu rasanya ke Negeri Sembilan mencari masakan berlemak asli dengan perahan santan dan beberapa rempah asli lainnya.

Cukuplah anda berlabuh di Hotel Aliya merasakan nikmat masakan sebenar ikan tenggiri segar khusus buat pengunjung hotel bertaraf tiga bintang ini.

Jangan dilupakan hidangan masakan lemak ketam, ayam masak merah, daging salai rebung cili api, kambing semur, pais ikan keli, rendang tok, udang panggang, daging kurma dan 200 sajian Melayu lainnya.

Menu istimewa tentunya kambing golek dengan sajian pilihan nasi briyani dan nasi putih menanti untuk disaji kepada pengunjung.

Tentunya tidak lengkap Ramadan jika tidak dihiasi dengan manisan kurma dan pencuci mulut untuk penyegar selepas seharian menahan lapar juga dahaga.

Pengunjung tidak perlu bimbang, 'si dayang-dayang istana' menyediakan kurma sebagai juadah buka puasa setiap kali tibanya waktu berbuka.

Bahkan, pengunjung berpeluang menikmati juadah bubur lambuk, bubur manisan, sup carca marba dan berbagai jenis buah-buahan turut disediakan.

Berkongsi pengalaman merasakan hidangan puding mentega, jujur diakui ini antara hidangan pemanis paling menyeronokkan dan diyakini menjadi antara pilihan



naikan solat maghrib, isyak dan terawih.

Imam bertauliah turut dijemput khas bagi menyampaikan tazkirah setiap hari sebelum waktu berbuka dan seterusnya memimpin solat.

Sempena Ramadan kali ini, Hotel Aliya turut membuka peluang kepada orang ramai menikmati buffet Ramadan dengan sajian tradisi sebagai hidangan berbuka puasa di Selera Coffe House, tingkat 1.

Promosi harga tawaran serendah RM65 bagi dewasa dan RM49 (kanak-kanak) cukup berbaloi buat pengunjung sekitar Selangor mendapatkan pilihan sajian makanan terbaik di bandar Klang.

Promosi berbuka puasa ini diadakan setiap hari bermula 6 Jun lalu sehingga hari terakhir Ramadan, bermula jam 6.30 petang hingga 10.00 malam.

Lebih istimewa, warga emas diberikan diskaun 50 peratus sepanjang Ramadan dan pembelian 10 kupon untuk pakej keluarga bakal menerima satu kupon percuma.

Untuk sebarang pertanyaan atau tempahan, sila hubungi 03-33411313 atau e-mail enquiry@alياهوtel.com juga melalui facebook/alياهوtelklang.com.



Citarasa selat jadi pilihan

Concorde tampil sajian menggiurkan



OLEH LIZAWATI MADFA

SEMPENA kehadiran Ramadan, Hotel Concorde sekali lagi tampil dengan ratusan resepi lazat dan menggiurkan bertemakan 'Citarasa Negeri Selat' khusus untuk pelanggan tercinta.

Bermula dari utara hingga ke selatan tanah air, rasa asli hidangan tradisi Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka dan Johor dalam bufet Ramadan hotel ini sedia untuk dinikmati.

Anda pastinya tergoda dengan hidangan pilihan sepanjang zaman semua negeri ini selepas seharian berpuasa dan mulakan iftar anda dengan seleksi pilihan kurma manis yang boleh dipilih daripada kaunter.

Kemudian, rasakan keenakan pembuka selera seperti kerabu betik muda, kerabu daging rusa, kerabu mangga muda, bergedil ayam, aneka jeruk buah-buahan, ulam-ulaman kampung dan aneka keropok.

Jangan lupa mencuba pelbagai hidangan panggang seperti ayam, ikan dan daging dengan pelbagai pilihan sos yang pastinya memenuhi citarasa anda.

Seperti selalu, menu utama bukan sekadar cantik di mata, malahan sen-

tiasa memuaskan selera anda.

Resepi 'signature' dari Selat Melaka seperti asam pedas ikan pari, asam pedas daging, sotong portugis, ayam cencaluk, ikan bawal masam manis, sambal udang petai, peria goreng telur dan pucuk paku goreng pastinya tidak mampu ditolak.

Juadah istimewa Pulau Pinang seperti ayam goreng berempah, daging rasa bukhara, kari kepala ikan, ketam goreng berempah dan kobis goreng kunyit biji sawi semestinya disaji dengan rasa asli sejati.

Ditambah pula dengan briyani daging rusa, briyani daging, ayam masak merah, kambing kurma, pucuk manis masak lemak, puyuh goreng dan sayur tempe goreng dari Selat Tebrau yang pastinya memberi kepuasan tersendiri.

Bufet Ramadan di Concorde tidak ketinggalan menyediakan sup kesukaan ramai sejak berzaman di 'Tiga Selat Corner'.

Puaskan keinginan anda dengan bubur lambuk ayam dara lada hitam dan bubur lambuk daging batang pinang.

Bagi menambah rasa, sup ayam berempah, mee hoon teochew, mee bandung, ayam tandoori, roti naan, laksa Johor dan roti benggali dengan pelbagai pilihan sup pastinya memuaskan anda.

Bagi mereka yang mahu kelainan dalam rasa, boleh sahaja ke hidan-

gan ala Eropah dan cubalah hidangan pembuka me-reka.

Pilih salad kesukaan anda seperti roman salad, mesclum salad, seafood mediterranean salad, tomato cucumber salad dan carrots dan cashew nuts salad dan cubalah bersama 'french dressing', 'caesar dressing' dan 'italian dressing'.

Sempurnakan iftar anda dengan pencuci mulut seperti kek coklat tiramisu, kek keju durian, sugu gula Melaka, agar-agar tembikai susu, 'americano cheesecake', 'lychee panna cotta', kuih-muih Melayu dan banyak lagi yang semuanya pasti menjilat jari.

Tidak usah khuatir, kemudahan surau yang selesa serta imam turut disediakan untuk solat isyak dan terawih di aras tiga hotel.

Dengan harga RM118 bagi seorang dewasa, bufet Ramadan ini boleh dinikmati di Melting Pot Cafe (lobi) atau RM92 di Grand Ballroom dan Grand Plato.

Sempena tiga hari pertama dan terakhir bulan Ramadan, pelanggan turut berpeluang menikmati harga istimewa RM95 bagi dewasa dan RM47.50 untuk kanak-kanak.

Anda turut berpeluang menerima satu bawcer percuma bagi setiap 10 tempahan dewasa juga promosi Ramadan Raya untuk penginapan di Concorde bermula 1 Jun hingga 31 Julai ini dengan harga RM202.

Untuk pertanyaan dan tempahan, boleh hubungi 03-55122200 sambungan 2304 atau e-mel ke shah@concorde.net

Tempahlah sekarang jika tidak mahu kecewa.



PAKEJ BERBUKA PUASA



Hotel Bangi Putrajaya

Tema Buffet : Semarak Ramadan
Tawaran Harga : RM102.10 NETT A / RM52.20 NETT C
Alamat : Off Persiaran Bandar 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia
TEL : 03-82102222

Sheraton Puchong

Tema Buffet : Selera Warisan
Tawaran Harga : Dewasa RM94++ / Kanak-kanak RM47
Alamat : The Eatery Four Points by Puchong 1201, Tower 3, Puchong Financial Corporate Centre (PFCC), Jalan Puteri 1/2, Bandar Puteri 47100 Puchong, Malaysia
TEL : 03-58918888

Hotel Armada

Tema Buffet : Warisan Tradisi Kampung
Tawaran Harga : Dewasa RM88++ / Kanak-kanak RM44++
Alamat : Utara Coffee House, Hotel Armada, Petaling Jaya Lot 6, Lorong Utara C, Section 52, Darul Ehsan, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
TEL : 03-7954 6888

Hotel Aloft Sentral Kuala Lumpur

Tema Buffet : Chef A-List Malaysian Fest BUffet Nook
Tawaran Harga : Dewasa RM110++ / Kanak-kanak RM50
Alamat : Nook, Aloft Kuala Lumpur Sentral Level 1, Aloft KL Sentral, No 5 Jalan Stesen Sentral, Kuala Lumpur.
TEL : 03 27231188

Sunway Resort Hotel & Spa

Tema Buffet : Fuzion The Resort Cafe's
Tawaran Harga : Dewasa RM138++ / Kanak-kanak RM78++
Alamat : Sunway Resort Hotel & Spa Persiaran Lagoon, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor
TEL : 03-74952009

One World Hotel

Tema Buffet : From East to West
Tawaran Harga : Dewasa RM158++ / Kanak-kanak RM79++
Alamat : One Hotel World Petaling Jaya First Avenue, Bandar Utama City Centre, 47800, Selangor
TEL : 03-76811157

Chakri Express Alamanda Putrajaya

Tema Buffet : Taste Of Thailand
Tawaran Harga : Dewasa RM75.90 / Kanak-kanak RM29.90
Alamat : G85, Ground Floor, Alamanda Shopping Centre,, Jalan Alamanda, Precinct 1,, 62000 Putrajaya, Malaysia
TEL : 03-88901616

Monterez Golf & Country Club

Tema Buffet : Selera Kampung
Tawaran Harga : Dewasa RM66 nett
Alamat : Monterez Golf & Country Club No1 Jalan Merah Kesumba U9/18 Seksyen U9, 40000 Shah Alam.
TEL : 03-7846 5989



The Club Bukit Utama

Tema Buffet : Sajian Dari Dapur Bonda
Tawaran Harga : Dewasa RM69 / Kanak-kanak RM39
Alamat : Persiaran Surian, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
TEL : 014-269 0599

Jardin Villa, Petaling Jaya

Tema Buffet : Fusion and West
Tawaran Harga : Dewasa RM45 / Kanak-kanak RM20
Alamat : No 40 Jalan 5/64 Off Jalan Gasing 46000 Petaling Jaya
TEL : 0123326311

Gold Coast Morib International Resort

Tema : Sajian Gold Coast Morib
Tawaran Harga : Dewasa RM55 / Kanak-kanak RM35
Alamat : PT.294 Kawasan Kanchong Laut, Mukim Morib 42700 Banting Selangor
TEL : 0331981028/1051

Kaedah baru tangkap anjing

Skynet-01 inovasi baru kurangkan lolos

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Inovasi terbaru alat tangkapan anjing diperkenalkan Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran Klang (MPK) terbukti berkesan dapat mengurangkan kes anjing lolos ketika proses penangkapan anjing dijalankan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata alat tangkapan dikenali sebagai Skynet-01 adalah kepelbagaian kaedah penangkapan anjing yang diguna pakai MPK.

Katanya, MPK turut menggunakan kaedah gelung iaitu inovasi kakitangan dikenali sebagai SR-Loop dan perangkap.

Beliau berkata, alat berkenaan juga selamat dan tidak membahayakan anjing ditangkap dan ia mudah dibawa ke lokasi dikenalpasti sebagai tempat anjing terbiar berdasarkan aduan dikemukakan penduduk.

"Skynet-01 tidak menyakitkan anjing ditangkap selain

memudahkan kakitangan MPK menjalankan operasi tangkapan haiwan itu yang boleh memberi ancaman kepada masyarakat setempat.

"Alatan ini adalah hasil inovasi dan kreativiti kakitangan MPK sendiri dalam usaha menangani kes anjing terbiar di kawasan ini," katanya dalam kenyataan, pada 4 Jun lalu.

Yasid berkata, inovasi itu juga mendapat pengiktirafan daripada badan bukan kerajaan (NGO) yang menganggap alat tangkapan itu efektif dan berperikemanusiaan berbanding kaedah lain.

Yasid berkata, sebanyak 2,856 anjing terbiar berjaya ditangkap MPK, sehingga April lalu.

"Daripada jumlah itu, 897 aduan (Januari hingga Mei) dan pada 2015, sejumlah 7,697 anjing ditangkap daripada 2,199 aduan penduduk dan hanya 679 pemilik saja mendapat lesen daripada MPK untuk memelihara haiwan itu," katanya.



OKK nikmati diskaun 50% kompaun Struktur haram dua lokasi dirobah

SHAH ALAM - Orang Kena Kompaun (OKK) berpeluang menikmati diskaun sehingga 50 peratus sempena Kempen Pengurangan Kompaun Siri 1/2016, bermula 6 hingga 5 Julai ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata ia bertujuan membantu dan menggalakkan OKK menyelesaikan tunggakan kompaun.

"Kami menyeru orang ramai khususnya yang memiliki tunggakan kompaun supaya mengambil peluang terhadap kempen ini.

"Ini sekali gus mampu mengelakkan OKK daripada dikenakan tindakan tegas," katanya dalam satu kenyataan, di sini, pada 2 Jun lalu.

Antara jenis kompaun yang layak menerima diskaun sehingga 50 peratus adalah Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut 1983, Undang-undang Kecil Taman (MBSA) 2005, Undang-undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2005 dan Undang-undang Kecil Establisyemen Makanan (MBSA) 2007.

Kesalahan lain termasuk Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MBSA) 2007, Undang-undang Kecil Iklan (MBSA) 2007, Undang-undang Kecil Penjaja



(MBSA) 2007, Perintah Pengangkutan Jalan MBSA 2007 dan Undang-undang Kecil Pasar (MBSA) 2007.

Pada 2015, sebanyak 277,813 kompaun dengan nilai RM27.7 juta gagal dijelaskan OKK.

Shahrin berkata, kempen itu juga termasuk kadar pengurangan 50 peratus ke atas kompaun tempat letak kereta seperti kesalahan tidak mempamerkan kupon dan tidak meletakkan kenderaan di petak disediakan.

Orang ramai boleh membuat pembayaran kompaun di Wisma MBSA atau pejabat cawangan di Sungai Buloh, Kota Kemuning dan Setia Alam.

Untuk kompaun kesalahan tempat letak kereta, OKK boleh menjelaskan bayaran melalui Maybank2U dan kaunter Bank

Kami menyeru orang ramai khususnya yang memiliki tunggakan kompaun supaya mengambil peluang terhadap kempen ini. Ini sekali gus mampu mengelakkan OKK daripada dikenakan tindakan tegas

SHAH RIN AHMAD
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA

Muamalat.

Bagi kesalahan sama, OKK juga boleh menggunakan kemudahan saluran bayaran JomPAY dengan memasukkan *biller code* 6726, nombor kompaun pada ref1 serta nombor telefon pada ref2 dan seterusnya jumlah bayaran.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Kewangan MBSA di talian 03-55222882 atau 03-55105133 sambungan 1477, 1657 dan 1658 atau layari laman sesawang www.mbsa.gov.my.

SHAH ALAM - Sebuah struktur haram yang masih dalam binaan dirobuhkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersebelahan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dalam operasi Menghapus Kacau Ganggu di kawasan Raintree, Batu Caves, Gombak.

Ketua Unit Tindakan Khas MPS, C Paramasivam, berkata operasi itu dilaksanakan atas kesalahan tiada sebarang permohonan oleh pengusaha untuk membina struktur tersebut.

"Notis sudah dikeluarkan minggu lalu kepada pengusaha sebelum tindakan perobohan dibuat, namun tiada sebarang kompaun dan tindakan rampasan dilakukan.

"Selepas semakan dibuat ekoran aduan orang awam yang kurang senang dengan pembinaan struktur itu sejak sebulan lalu, pengusaha tidak membuat sebarang permohonan atau menerima kebenaran MPS untuk mengusahakan tanah terbabit sebagai tapak penjualan kereta," katanya dipetik Sinar Harian, di sini, pada 1 Jun lalu.

Katanya, tindakan terpaksa diambil atas kesalahan di

bawah Seksyen 46 (1) D Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kerana membina bangsal tanpa kebenaran.

Difahamkan, operasi itu membabitkan 17 anggota dan kerja pemantauan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Sebelum itu, MPS turut merobuhkan struktur binaan tambahan yang diusahakan dua peniaga warga asing dalam operasi berlainan, di Desa Aman Putri, pada 25 Mei lalu.

Premis itu sebelum ini diuruskan warga tempatan, sebelum diambil alih peniaga warga Indonesia yang menjalankan perniagaan kedai runcit.

Timbalan Yang Dipertua MPS, Juhari Ahmad, berkata pihaknya sudah mengeluarkan tiga notis sejak dua bulan lalu sebelum tindakan sitaan bangunan dilakukan.

"Tindakan diambil selepas maklumat aduan dan pemeriksaan anggota penguatkuasaan MPS mendapati menghalang tempat pejalan kaki dan menghalang pili bomba jika berlaku sebarang kecemasan," katanya.

Kempen Terima Kasih Datang Awal

Tingkat prestasi kerja

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Kempen Terima Kasih Datang Awal dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi memperkasakan pencapaian, kejayaan dan pengiktirafan terhadap kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad bersama Pengurusan Tertinggi MBSA menyambut kakitangan yang hadir ke pejabat, seawal jam 7.30 pagi.

Katanya, ia adalah salah satu pengisian aktiviti di bawah Program Pembangunan Modal Insan (PPMI).

"Ia bertujuan mengekalkan seterusnya membina warga kerja yang memiliki personaliti tinggi ke arah budaya kerja berprestasi tinggi 'Toward High Performance Culture'.

"Melalui pendekatan ini, kita juga dapat membentuk warga kerja berdisiplin, komited dan sentiasa mematuhi peraturan kerja," katanya dalam kenyataan, di sini, pada 2 Jun lalu.

Katanya, PPMI dicetuskan selaras konteks perubahan globalisasi, pembinaan budaya kualiti dan prestasi tinggi serta pelbagai inisiatif lain bagi mentransformasi perkhidmatan awam demi melestarikan daya saing sesebuah bandar.

"Ia adalah landasan memupuk sikap berdaya saing dan kompetitif supaya keluar daripada zon selesa bagi menggalakkan peningkatan produktiviti semasa bekerja.

"Program ini juga dilihat sebagai komitmen berterusan MBSA untuk memperkasakan warga kerja yang mempunyai ciri modal insan berkebolehan, berkemampuan serta mengamalkan nilai murni dan mempamerkan sikap positif," katanya.



MBSA rai kakitangan media

SHAH ALAM - Sumbangan media dalam menyalurkan maklumat berkenaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dihargai pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Saad, berkata media massa dilihat sebagai rakan sinergi yang boleh menjadi 'Check and Balance' dalam meningkatkan sistem perkhidmatan MBSA.

"Tidak dinafikan adakala ia memberi impak negatif, namun saya melihat perkara ini daripada sudut positif kerana sudah menjadi tanggungjawab warga kerja kami memperbaiki kelemahan yang ada demi manfaat dan kebaikan warga Shah Alam.

"Tanpa pihak media, MBSA tidak dapat menguar-uarkan aktiviti juga program kepada masyarakat," katanya ketika majlis Hi-Tea Media Massa, di

Media massa dilihat sebagai rakan sinergi yang boleh menjadi 'Check and Balance' dalam meningkatkan sistem perkhidmatan MBSA

AHMAD ZAHARIN SAAD

Datuk Bandar Shah Alam

Hotel Concorde, di sini, pada 1 Jun lalu.

Zaharin berkata, peranan media cukup besar kepada MBSA dan beliau melihat 'win-win situation' perlu diperkasakan untuk manfaat bersama.

"Walaupun perkembangan teknologi semakin meluas dengan wujudnya Facebook, Twitter, Instagram dan Whatsapp yang

boleh menjadi medan menyebar maklumat dan viral sekelip mata, namun saya melihat media cetak dan elektronik masih sebagai saluran utama untuk masyarakat.

"Dengan ini, saya melahirkan rasa gembira dan berbesar hati kerana dapat kerjasama bersama media massa," katanya.

Antara rakan media yang hadir adalah Media Selangor, Bernama, Berita Harian, Utusan Malaysia, Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian, New Straits Times, The Star, Oriental Daily, Selangor FM, Nanyang Siang Pau, Sin Chew Daily, China Press dan Guang Ming Daily.

Selain itu, MBSA turut meraikan 15 anak yatim dari Pusat Pengurusan Al-Firdaus, Denai Alam, Seksyen U16 dengan menyalurkan sumbangan bagi persiapan Ramadan bernilai RM2,000 serta cenderahati RM100 seorang.



MPAJ terima penarafan PBT lima bintang

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerima Anugerah Lima Bintang untuk Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain, berkata MPAJ penerima tunggal penarafan lima bintang yang berlangsung pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2015 di Miri, Sarawak.

"Kita berharap prestasi ini dapat dikekalkan. Audit menyemak dan kita menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik serta betul," katanya dalam ucapan Mesyuarat Penuh MPAJ Bil.5/2016, di sini, pada 31 Mei lalu.

Pada masa sama, Abd Hamid berkata, MPAJ mencatatkan kutipan hasil cukai taksiran berjumlah RM45.94 juta dari 1 Januari hingga 30 April lalu.

Pencapaian itu melibatkan RM40.48 juta kutipan semasa cukai taksiran dan RM5.46 juta bagi kutipan tunggakan.

"Bil Cukai Taksiran MPAJ sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari sehingga Jun ini sebanyak RM49.38 juta.

"Tunggakan cukai taksiran sebanyak RM10.52 juta dengan jumlah bil dikeluarkan 171,841 bagi tempoh satu penggal dalam 2016," katanya.

Secara keseluruhan, Kerajaan



Kita berharap prestasi ini dapat dikekalkan. Audit menyemak dan kita menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik serta betul. MPAJ mencatatkan kutipan hasil cukai taksiran berjumlah RM45.94 juta dari 1 Januari hingga 30 April lalu

HAMID HUSSAIN
Yang Dipertua MPAJ

Negeri menetapkan jumlah kutipan 90 peratus bagi kutipan semasa cukai taksiran dan 70 peratus kutipan tunggakan cukai taksiran.

Peduli pelajar

UNISEL turun yuran asrama



OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Yuran asrama Universiti Selangor (UNISEL), Kampus Bestari Jaya diturunkan berdasarkan semester pengajian bagi mengurangkan beban pelajar.

Pengarah Komunikasi Korporat UNISEL, Hasril Abu Hassan, berkata perkara itu disampaikan Presiden dan Naib Canselor, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman ketika Majlis Perasmian Bacaan Ikrar Minggu Tekad Siswa Sesi Jun 2016, baru-baru ini.

"Penurunan yuran asrama tersebut sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat universiti.

"Bagi mengutamakan kebajikan dan hak pelajar kolej ini UNISEL perlu mengetepikan soal keuntungan," kata Hasril dalam kenyataan.

Katanya, kebanyakan pelajar baru bakal melanjutkan pengajian semester Jun ini menzahirkan rasa terima kasih kepada Presiden serta seluruh pengurusan universiti atas keputusan penurunan itu.

"Yuran asrama diturunkan berkuatkuasa sejak Mei lalu," katanya.

Turut hadir ketika majlis berlangsung adalah pimpinan tertinggi UNISEL serta barisan pengurusan lain untuk diperkenalkan secara langsung kepada semua pelajar baharu kemasukan Jun 2016.

64 syarikat tawar lebih 5,000 jawatan

SHAH ALAM - Lebih 5,000 pekerjaan ditawarkan 64 syarikat menerusi Selangor Job Fair 2016 yang berlangsung di sini, pada 28 Mei lalu.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata peluang terbuka kepada graduan baru dan mereka yang berhasrat mempertingkatkan kerjaya sedia ada.

Katanya, antara pekerjaan ditawarkan termasuk kekosongan dalam industri kejuruteraan, pemakanan, kesihatan, peruncitan, perkhidmatan dan automotif.

"Kita menemukan syarikat dengan tenaga kerja secara terus bagi memenuhi keperluan tenaga buruh industri Selangor seterusnya menyumbang kepada pembangunan negeri.

"Dengan keadaan ekonomi sedia ada, Kerajaan Negeri sentiasa beri yang terbaik untuk membolehkan rakyat negeri ini memperoleh kerjaya stabil," katanya.

Dengan keadaan ekonomi sedia ada, Kerajaan Negeri sentiasa beri yang terbaik untuk membolehkan rakyat negeri ini memperoleh kerjaya stabil

NIK NAZMI
Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi

Bertempat di Ideal Convention Centre (IDCC), karnival itu dihadiri lebih 10,000 pengunjung dari dalam dan luar Selangor.

Pengunjung juga berpeluang untuk ditemuduga secara terus oleh syarikat yang terlibat.

Program julung kali itu turut mendapat kerjasama Jobs Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja Malaysia.



Sarif Taib dan Parti Umar dinobatkan Tokoh Guru 2016



SHAH ALAM - Bekas guru besar Sekolah Rendah Agama (SRA) Hulu Bernam, Sarif Taib dan bekas guru besar SRA Sabak Bernam, Parti Umar diumumkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Guru Lelaki dan Perempuan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) peringkat negeri 2016.

Anugerah terbabit disampaikan Senator Dr Muhammad Nur Manuty yang mewakili Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan Timbalan Pengarah JAIS, Zaki Arshad pada Sambutan Hari Guru dan Penyampaian Anugerah Kualiti Pendidikan 2016 di Dewan Jubli Perak, di sini, pada 31 Mei lalu.

Anugerah itu, sekali gus membolehkan mereka membawa pulang RM500 dan pakej umrah perseorangan serta sijil penghargaan.

Sarif, 74, berkecimpung dalam pendidikan selama 38 tahun dan memulakan kerjaya sebagai pendidik di Parit 4, Sekinchan sebelum bersara sebagai Guru Besar Hulu Bernam dan kembali meneruskan

tugas sebagai guru pakar secara sandaran di Sekolah Menengah Hulu Selangor.

Beliau yang berasal dari Sekendi, Sabak Bernam berterima kasih kepada JAIS dan semua rakannya yang menyokong perjuangannya sebagai pendidik.

"Bagi saya, perjalanan pendidik sebenarnya masih jauh lagi dalam merentasi liku-liku perkhidmatan. Untuk melahirkan generasi yang baik masih banyak perlu dilakukan.

"Jika ilmu boleh disampaikan atau boleh didapati secara mudah dalam angan-angan pasti dalam dunia ini tiada yang bodoh, jadi perjuangan sebagai guru bukan mudah. Anugerah ini hanya sampingan, namun usaha dilakukan itu perlu sentiasa ditonjolkan," katanya kepada SelangorKini.

Tokoh guru lelaki itu pernah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan aktif sebagai Penyelaras Amal Islam Selangor, Lajnah Buku Teks, Penulis Peraturan Kehakiman untuk amal Islami dan Penasihat Majlis dalam Mahkamah

Juana Hulu Selangor.

Sementara itu, bagi ibu kepada empat anak, Parti berkata pelbagai kenangan manis dan pahit dihadapinya sepanjang menjadi guru selama 36 tahun dan tidak mudah untuk dilupakan.

Katanya, penganugerahan itu menjadi dorongan kepada beliau untuk terus berkhidmat sebagai pengajar di surau.

Beliau yang berusia 67 tahun masih aktif menjadi pendidik kelas al-Quran dan fardhu ain bagi warga emas di kawasan sekitar.

"Saya sangat gembira dan terkejut dipilih sebagai tokoh guru, cuma terkilan kerana tidak dapat berkongsi dengan arwah suami yang baru sahaja meninggal dunia.

"Bagaimanapun, saya bersyukur dan ia tidak mematahkan semangat untuk terus menjadi pendidik," katanya.

Beliau turut menasihatkan supaya guru yang masih berkhidmat sentiasa berlaku jujur dan ikhlas serta dapat menanamkan diri bekerja kerana Allah SWT.



PWS lancar 'Wakaf Ibu Syurgaku'

SUBANG - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) melancarkan program 'Wakaf Ibu Syurgaku' bagi mendidik masyarakat Islam berwakaf atas nama ibu.

Ketua Pegawai Eksekutif PWS, Abu Bakar Yong, berkata PWS ingin mendidik masyarakat Islam khususnya supaya belajar memberikan hadiah berkekalan selamanya kepada ibu.

"Program ini adalah inisiatif menggalakkan wakaf tunai sebagaimana ditekankan dalam Islam," katanya pada majlis pelancaran program di The Saujana Hotel Kuala Lumpur, di sini.

Program terbabit dirasmikan isteri Menteri Besar, Datin Seri Shamshida Taharin.

Abu Bakar berkata program itu adalah pertama di Malaysia untuk meraikan ibu dan kaum wanita yang juga penyumbang terbesar dana wakaf tunai PWS.

Pada masa sama, beliau berkata sejak 2011 hingga 2015, jumlah kutipan tunai dari wakaf am dan khas diterima lebih RM125 juta.

"Kelazimannya wakaf diterima dalam bentuk tanah, rumah dan sesuatu yang kekal, namun di zaman komedanan dan kegawatan ekonomi tidak semua berkemampuan.

"Justeru, saham wakaf tunai diwujudkan dan dibolehkan dalam fatwa kebangsaan dan Selangor bahawa setiap satu nilai RM10 itu mesti ditukarkan dalam bentuk aset," katanya.

Sementara itu, Shamshida menyifatkan program berkenaan sebagai inovasi wakaf dalam misi membangunkan ummah.

"Program ini bukan sahaja menarik orang untuk menjalankan program ibadah wakaf tetapi mengingatkan kita membalas jasa orang paling penting dalam hidup," katanya.



Kekang ekstremisme

Jangan lantik imam tarawih luar negara

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

SHAH ALAM - Semua masjid dan surau di negeri ini dilarang melantik imam dari negara luar bagi mengetuai solat tarawih, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Dato' Haris Kasim.

Katanya, ketetapan itu dibuat bagi menghalang kegiatan ekstremis dan fahaman bertentangan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Masjid dan surau di seluruh Selangor tidak dibenarkan secara langsung

atau tidak melantik imam tarawih dari negara luar.

"Digalakkan imam tarawih dilantik dalam kalangan imam tempatan yang terdiri daripada pelajar atau lulusan tahfiz dalam negara," katanya kepada SelangorKini.

Sementara itu, Senator Dewan Negara, Dr Muhammad Nur Manuty, berkata saranan terbabit bertepatan dengan realiti masyarakat ketika ini.

Beliau berkata, masyarakat kini diancam gejala ekstremis serta pertikaian berkenaan ajaran dan pegangan

tidak menjurus kepada Islam sebetulnya.

"Untuk menjamin umat Islam seluruh negeri kembali berpadu, tindakan ini wajar diambil Kerajaan Negeri yang mana kita mahu penceramah di negeri ini memahami konteks fekah di Malaysia sebagai sebahagian pegangan umat Islam.

"Memetik kenyataan dikemukakan Sheikh Yusof Al-Qardawi yang menetapkan fekah di negara ini mengikut keutamaan selaras ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah," katanya.

Zakat fitrah kekal RM7

SHAH ALAM - Kadar zakat fitrah untuk umat Islam di Selangor pada tahun ini kekal RM7.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan kadar itu dikekalkan sama seperti tahun sebelumnya.

Katanya, seramai 2,569 ketua dan penolong amil fitrah dilantik di seluruh Selangor pada bulan Ramadan ini dan pihaknya turut membuka kaunter di beberapa pasar raya terpilih di sekitar Lembah Klang.

"Pada tahun ini Lembaga

Zakat Selangor (LZS) mensasarkan kutipan zakat fitrah sebanyak RM22.5 juta daripada umat Islam di Selangor," katanya dalam satu kenyataan, 4 Jun lalu.

Kemudahan pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan kerjasama syarikat telekomunikasi Digi turut disediakan LZS.

Ia terbuka kepada pelanggan prabayar dan pasca bayar Digi dengan nilai bayaran zakat fitrah akan dicaj pada bil atau ditolak daripada nilai kredit.

LZS membuka 28 cawangan-nya di seluruh negeri, tujuh hari seminggu dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang untuk hari bekerja dan dari jam 9 pagi hingga 3 petang untuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.



| WAKTU SOLAT SELANGOR | | | | | | | |
|---|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| 10 - 17 JUN 2016 | | | | | | | |
| 5 - 10 RAMADAN 1437H | | | | | | | |
| Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 10 Jumaat | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:16 | 4:41 | 7:24 | 8:40 |
| 11 Sabtu | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:16 | 4:41 | 7:25 | 8:40 |
| 12 Ahad | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:40 |
| 13 Isnin | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:41 |
| 14 Selasa | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:41 |
| 15 Rabu | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:17 | 4:42 | 7:26 | 8:41 |
| 16 Khamis | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:41 |
| 17 Jumaat | 5:31 | 5:41 | 7:04 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 10 Jumaat | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:18 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| 11 Sabtu | 5:32 | 5:42 | 7:06 | 1:18 | 4:43 | 7:27 | 8:42 |
| 12 Ahad | 5:32 | 5:42 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:27 | 8:43 |
| 13 Isnin | 5:32 | 5:42 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:27 | 8:43 |
| 14 Selasa | 5:33 | 5:43 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:27 | 8:43 |
| 15 Rabu | 5:33 | 5:43 | 7:06 | 1:19 | 4:44 | 7:28 | 8:43 |
| 16 Khamis | 5:33 | 5:43 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | 7:28 | 8:44 |
| 17 Jumaat | 5:33 | 5:43 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | 7:28 | 8:44 |

Sumbangan Ramadan

156 keluarga terima RM39,000

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sejumlah RM39,000 diperuntukkan bagi memberi sumbangan Ramadan kepada 156 keluarga kurang berkemampuan di seluruh Shah Alam tahun ini.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata RM30,000 disumbangkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) manakala RM9,000 lagi adalah sumbangan fidyah.

Katanya, sumbangan diberikan dalam bentuk barangan keperluan asas bernilai RM150 dan wang tunai RM100 setiap keluarga.

"Kita berniat membantu meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan mem-

buat persiapan menyambut Ramadan.

"Walaupun jumlahnya tidaklah begitu besar, diharap ia mampu membawa sinar buat mereka," katanya dalam sidang media, di sini, 2 Jun lalu.

Terdahulu, beliau diiringi Timbalan Setiausaha, Rosli Bakar dan Ahli Majlis MPP Zon 5, Noraini Hussin menyampaikan bantuan dan sumbangan kepada enam keluarga di Pangsa-puri Rimba Jaya.

Ahmad Zaharin berkata, penerima terdiri daripada golongan fakir miskin, ibu tunggal, warga emas serta Orang Kurang Upaya (OKU).

Pada 2015, seramai 120 keluarga daripada kawasan pentadbiran MBSA menerima bantuan Ramadan.



'Foodbank' bantu penduduk Taman Medan

SHAH ALAM - Program 'Foodbank Agih Makanan' anjuran Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Taman Medan bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan di kawasan itu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Taman Medan, Haniza Talha, berkata inisiatif terbabit digerakkan melalui peruntukan Kerajaan Negeri.

"Pusat khidmat mengeluarkan senarai tetap kepada mereka yang akan menerima bantuan setiap bulan.

"Mereka ini terdiri daripada golongan tidak ada pendapatan seperti warga emas, anak-anak yatim dan golongan miskin betul-betul kurang berkemampuan.

"Senarai kedua pula adalah penerima yang bertukar setiap dua bulan seperti mereka yang ada tanggungan besar dengan pendapatan minimum," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, penerima diberi kupon bantuan untuk menerima agihan bantuan makanan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gula, garam, biskut, bihun dan ser-

Mereka ini terdiri daripada golongan tidak ada pendapatan seperti warga emas, anak-anak yatim dan golongan miskin betul-betul kurang berkemampuan

HANIZA TALHA
ADN Taman Medan

buk kopi.

"Foodbank ini bermula sejak Jun tahun lalu dan akan dilanjutkan sehingga hujung tahun ini. Sasaran awal sepatutnya program berjalan sehingga Januari.

"Kita bersedia untuk turun padang bersama Exco Kebajikan menggerakkan program ini demi manfaat penduduk Taman Medan," katanya.

Terdahulu, sebanyak 200 keluarga di DUN Taman Medan menerima bantuan terbabit, 30 Mei lalu.

746 asnaf Klang terima bantuan Ramadan

SHAH ALAM - Seramai 746 asnaf fakir dan miskin sekitar Klang menerima bantuan tunai berjumlah RM509,680, pada 1 Jun lalu.

Menerusi laman Facebook Lembaga Zakat Selangor (LZS), bantuan itu diberikan sempena kehadiran Ramadan dan Aidilfitri.

"Terima kasih pembayar zakat. Wang zakat anda sudah kami salurkan kepada yang berhak," kata LZS menerusi statusnya.

Pada 26 Mei lalu, seramai 794 asnaf dan miskin di daerah ini turut menerima bantuan tunai berjumlah RM563,750 dalam satu majlis di Masjid Bandar Diraja Klang.

LZS melancarkan siri mengagih bantuan bermula 24 Mei dan selesai pada 4 Jun lalu.

Untuk rekod, Klang adalah daerah kedua selepas Petaling yang mempunyai jumlah penerima tertinggi bagi bantuan itu



iaitu seramai 6,416 keluarga membabitkan peruntukan zakat sebanyak RM 4,785,530.

Daripada jumlah itu, 1,825 penerima adalah fakir dengan jumlah RM1.38 juta sementara 4,322 penerima dikategorikan

miskin dengan jumlah RM3.19 juta.

Pada 2015, LZS menerima RM626.6 juta dan mengagihkan sebanyak RM676.3 juta zakat harta dan zakat fitrah kepada golongan asnaf.

Beramal dengan kempen dana Ramadan Iftar Kubra

JERAM - Sekolah Menengah Islam (SMI) dan Maahad Tahfiz al-Quran (MTQ) Hira', Jeram membuka peluang kepada orang ramai beramal jariah melalui kempen dana Ramadan sempena Iftar Kubra pada 1 Julai ini.

Pengetuanya, Bat Kamaruzaman Abd Kadir, berkata pihaknya menyasarkan jualan 2,000 dulang makanan dengan nilai RM100 setiap satu bagi menampung Tabung Derma Kebajikan dan Pembangunan SMI dan MTQ Hira'.

Katanya, inisiatif itu diambil bagi membantu pihak sekolah membangunkan prasarana dengan sumbangan orang ramai dan hasil jualan dulang makanan dengan menu nasi Arab.

"Pendekatan sempena Ramadan ini diambil bagi memberi peluang kepada badan korporat dan orang ramai yang ingin beramal jariah dan pihak sekolah turut menerima sebarang bentuk infak seperti wakaf, derma, fidyah dan lain-lain.

"Untuk program Iftar Kubra, ia terbuka kepada semua dan setakat ini, 70 dulang baru terjual dan kami menggerakkan usaha dengan lebih agresif supaya sasaran dapat dicapai," katanya dipetik Sinar Harian.

Orang ramai yang ingin menyumbang dana dan pembelian dulang makanan boleh menyalurkan ke dalam akaun CIMB 8600511170 atas nama Sekolah Menengah Islam Hira' dan Bank Islam 12010010052948 atas nama Maahad Tahfiz al-Quran Hira'.



Cub Prix Petronas AAM Malaysia 2016

Selangor unggul kategori wira

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Selepas empat pusingan Kejuaraan Cub Prix Petronas AAM Malaysia 2016 dijalankan, pelumba Selangor, Md Shafiq Ezzariq meninggalkan jauh pencabar terdekatnya selepas berjaya mengutip mata penuh dengan menyapu bersih tempat pertama bagi kategori Wira.

Beliau yang kini mengutip 100 mata, menunggang jentera bernombor 16 mewakili pasukan Idemitsu Kozi Yam Honda Racing meninggalkan seorang lagi pelumba dari Selangor, Md Helmi Azman yang kini mengumpul 53 mata keseluruhan.

Md Helmi Azman menunggang jentera Yamaha nombor 11 mewakili pasukan IUGB AFB

Tech Racing.

Mengikuti rapat di tempat ketiga, pelumba Pulau Pinang, Md Qhuwarismi Md Nasir yang menunggang jentera Yamaha bernombor 12.

Beliau yang mewakili pasukan Weststar Motorsport kini mengumpul 47 mata keseluruhan, hanya enam mata di belakang Md Helmi.

Sebelum ini, empat pusingan Cup Prix Petronas Malaysia 2016 yang sudah dilangsungkan adalah di MAEPS Selangor; Batu Kawan, Pulau Pinang; Kangar, Perlis dan Pasir Mas, Kelantan.

Kejuaraan Cub Prix 2016 berahat panjang sebelum bersambung pada pusingan kelima di Teluk Intan, Perak pada 30 dan 31 Julai ini.

Pelumba Selangor, Md Shafiq Ezzariq meninggalkan jauh pencabar terdekatnya selepas berjaya mengutip mata penuh dengan menyapu bersih tempat pertama bagi kategori Wira

MBSA bapa angkat atlet Selangor

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilantik menjadi bapa angkat beberapa acara sukan untuk kontinjen Selangor ke kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak tahun ini.

MBSA diamanahkan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menggalas tanggungjawab itu bagi acara Akuatik (Renang Berirama, Polo, Air Terjun dan Renang) dan Bola Tampar (Lelaki dan Wanita).

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas kepercayaan diberikan kepada MBSA dalam menggalas tanggungjawab berkenaan.

"Terima kasih kerana memberi peluang kepada MBSA untuk bersama memberi sokongan dan dorongan kepada atlet Selangor yang bertanding di Sukma Sarawak melalui program sukan angkat.

"Inshaa Allah kita akan cuba membantu mengikut keperluan dan kemampuan sedia ada,"

katanya dalam Majlis Ramah Mesra Sukan Angkat Bersama Datuk Bandar Sempena Sukma Sarawak 2016 pada 3 Jun lalu.

Dalam majlis itu, MBSA menyerahkan sumbangan berupa peralatan sukan iaitu kemeja-t, beg galas dan wang tunai sebanyak RM100 seorang kepada atlet Selangor ke Sukma Sarawak 2016 yang berlangsung pada 22 hingga 31 Julai depan.

Seramai 74 anggota iaitu pengurus dan atlet terbabit dalam program sukan angkat bersama MBSA iaitu 32 bagi Bola Tampar dan 42 (Akuatik).

Selaku bapa angkat kepada sukan itu, MBSA akan membantu dan memberi kerjasama dari segi kemudahan logistik semasa latihan, persediaan kejohanan dan semasa kejohanan berlangsung.

PBT itu juga membantu menyediakan tempat latihan sesuai, pengangkutan, peralatan sukan berkaitan dan sumbangan wang tunai serta keperluan lain kepada atlet, pengurus dan jurulatih.



MPK Juara Piala Datuk Bandar Ipoh 2016

SHAH ALAM - Pemain dari Majlis Perbandaran Klang (MPK), Saiful Nizam Mohd Ali bukan sahaja menjangkau gol kemenangan malah muncul pemain terbaik perlawanan akhir apabila membantu pasukan itu menjulang Piala Datuk Bandar Ipoh di Stadium Ipoh, baru-baru ini.

Pada perlawanan akhir, MPK beraksi cemerlang menundukkan Majlis Perbandaran Teluk Intan 5-1 sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, piala pusingan serta pingat kejohanan.

Setiasua MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi, berkata pihaknya bersyukur kerana pasukan dibimbing Asmawi Bakiri itu kembali menjadi pasukan disegani antara pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini.

Katanya, sikap pemain bekerja keras pada kejohanan

itu selain persiapan rapi selama dua bulan sebelum kejohanan nyata berbaloi.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada pemain yang mempamerkan kesungguhan serta sentiasa fokus dalam setiap perlawanan walaupun ditentang sengit pasukan bertanding.

"Kejayaan ini hasil sokongan penuh Yang Dipertua MPK, Dato' Mohamad Yasid Bidin dan pihak pengurusan yang mahukan warga kerja MPK bukan saja cemerlang dalam tugas harian, malah dalam bidang sukan," katanya dalam kenyataan.

Kejayaan tersebut adalah berganda selepas MPK muncul juara pada kejohanan Futsal Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) di Melaka baru-baru ini.





Fokus kecergasan pemain

Red Giants berlatih sepanjang Ramadan

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Ramadan tidak menghalang The Red Giants meneruskan latihan walaupun pemainnya kini menjalani ibadat berpuasa, kata Pengendalinya, Zainal Abidin Hasan.

Beliau berkata, fokus kecergasan pemain tetap menjadi keutamaan sepanjang perlawanan bagi menghadapi saingan Liga Super dan Piala Malaysia, Julai ini.

"Sesi latihan tetap diteruskan seperti biasa, cuma untuk Ramadan ini latihan diadakan setiap hari bermula jam 10.00 malam selepas solat terawih.

"Sepanjang tempoh itu juga, kita meneliti waktu terbaik untuk pemain direhatkan sebentar untuk sambutan Syawal hujung bulan ini," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, sesi latihan itu juga dimanfaatkan bagi mengenalpasti be-ber-



Sesi latihan tetap diteruskan seperti biasa, cuma untuk Ramadan ini latihan diadakan setiap hari bermula jam 10.00 malam selepas solat terawih

ZAINAL ABIDIN
Pengendali Red Giants

rapa kelemahan pemain untuk beraksi lebih cemerlang dalam saingan akan datang.

Dalam perkembangan lain, pasukan Selangor diyakini mampu mengekalkan kejuaraan Piala Malaysia musim lalu selepas berjaya mempamerkan prestasi cemerlang menumpaskan The Red Warrior, 5-2 dalam saingan sebelum ini.

"Kita kena berusaha lagi kerana pusingan kedua Liga Super baru bermula dan diharap pemain akan mengekalkan corak permainan terbaik," katanya.

Selangor berdepan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) 17 Julai depan bagi memburu misi kejuaraan Liga Super 2016.



Majlis buka puasa, hargai sokongan peminat Red Giants

SHAH ALAM - Peminat The Red Giants berpeluang menghadiri majlis berbuka puasa sempena Ramadan bersama Juara 33 kali Piala Malaysia itu.

Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan, berkata majlis tersebut diadakan bagi menghargai sokongan peminat kepada pasukan itu.

"Ada perancangan untuk diadakan majlis berbuka puasa bersama peminat hujung bulan ini di SACC.

"Bagaimanapun, hebahan mengenai

program itu akan dimaklumkan kepada peminat selepas ini," katanya.

Sebelum ini, The Red Giant berjaya melengkapkan misi 33 selepas berjaya menjulang Piala Malaysia Disember lalu.

Skuad Gergasi Merah menamatkan kemarau kemenangan Piala Malaysia sejak sedekad lalu apabila berjaya menumpaskan Kedah dengan jaringan 2-0.

Kemenangan manis itu berjaya merealisasikan Misi 33 sebagai pasukan paling banyak merangkul kejuaraan itu.

PKNS FC mungkin tukar pemain

SHAH ALAM - Naib Juara Superbest Power Piala FA 2016, PKNS F.C tidak menolak kemungkinan menukar pemain sekiranya langkah itu mampu memberi tambah nilai dalam mengharungi pusingan kedua Liga Perdana dan Piala Malaysia nanti.

Pengurus PKNS FC, Mahfizul Rusydin Abdul Rashid, berkata pengurusan PKNS F.C tidak terburu-buru membuat keputusan sebaliknya membuat kajian sebelum sebarang keputusan mengenainya.

"Berdasarkan pencapaian ke final Piala FA 2016 dan Liga Perdana masih ada beberapa kelemahan dikenal pasti dan tindakan penambahbaikan sedang dan diusahakan termasuk menukar pemain jika perlu," katanya ketika dihubungi SelangorKini.

Pihak Perkongsian Bola Sepak Liabiliti Terhad Malaysia (FMLLP) mengumumkan jendela perpindahan pemain bagi pendaftaran pemain kali kedua, musim 2016 akan dibuka pada 20 Jun



Tindakan penambahbaikan sedang dan diusahakan termasuk menukar pemain jika perlu

MAHFIZUL RUSYDIN
Pengurus PKNS FC

sehingga jam 12.00 tengah hari pada 15 Julai 2016 bagi pemain tempatan dan jam 11.59 malam pada tarikh sama bagi pemain import.

Sebelum ini, PKNS F.C berjaya mengejutkan peminat bola sepak tanah air apabila berjaya layak ke perlawanan akhir Superbest Power Piala FA 2016 sebelum tewas 1-2 kepada pasukan berstatus bintang, Johor Darul Ta'zim (JDT) di Stadium Shah Alam, pada 14 Mei lalu.

Walaupun tewas, pencapaian PKNS F.C itu dianggap terbaik sepanjang pembabitan pasukan milik anak syarikat Kerajaan Selangor itu dalam kancah bola sepak negara sejak ditubuhkan pada 1964.